

DR. 7.11.96

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid II Bil. 60 Hari Khamis 7hb. November 1996

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN** (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1997 (Ruangan 42)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1997 (Ruangan 42)

Oktober, 1996.

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Kedua

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy,
D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran,
D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar,
D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin
Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar
bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala
Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.
Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng
Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed
Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar,
S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh,
P.J.K. (Besut)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 7hb. November, 1996****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN****DASAR PERFILEMAN NEGARA (DPN) - KEJAYAAN**

1. Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan] minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh manakah kejayaan Dasar Perfileman Negara (DPN) yang telah diperuntukkan RM50 juta pada tahun 1996.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 1996 pada Oktober 1995 lalu, beliau telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi tujuan penubuhan dana khas yang akan digunakan untuk memajukan bidang seni pentas, industri penyiaran dan pengurusan perfileman. Kementerian difahamkan dana RM50 juta itu kini telah diletakkan di bawah pengurusan Bank Pembangunan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan dana ini tiada kaitan secara langsung dengan Dasar Perfileman Negara (DPN) kerana semasa pembentangan itu DPN masih dalam peringkat kajian dan penilaian sebelum mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan. Dengan itu, adalah tidak wajar bagi kementerian membuat sebarang pengukuran kejayaan DPN yang masih belum dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perfileman Negara baru diluluskan oleh kerajaan dan usaha-usaha sedang dibuat bagi menyelaraskan pelaksanaannya yang dijangkakan pada awal tahun 1997.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Penerangan untuk membantu syarikat-syarikat perfileman tetapi masih ada juga syarikat-syarikat yang tidak mampu untuk menjalankan perniagaan perfileman ini oleh sebab kesuntukan modal ataupun mereka ini tidak diberi peluang untuk menayangkan filem-filem mereka di kaca TV. Setakat ini kita difahamkan hanya satu syarikat diberi peluang iaitu HVD untuk menayang dan kita tengok filem-filemnya ini kelakuannya pun tidak elok, cara dia buat tidak elok, film star pun yang itu sahaja, tidak ada muka baru. Jadi, adakah rancangan kementerian untuk memperluaskan lagi peluang-peluang kepada syarikat-syarikat perfileman bumiputera khususnya diberi peluang untuk menayangkan filem-filem mereka di kaca TV kerana mereka kadang-kadang kena melalui HVD juga, kenapa dimonopoli oleh HVD sahaja?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang dijelaskan pada awal tahun ini bila mana persoalan ini dibangkitkan mengenai dengan HVD, Yang Berhormat Menteri telah pun menjelaskan bahawa bukan hanya HVD yang telah mendapat peluang dan ruang dalam rangkaian TV1 mahupun TV2 yang telah memperuntukkan 41 jam rancangan-rancangan dalam bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Banyak lagi pembekal-pembekal seperti Eurofine Syarikat Bersekutu, Nizarman dan pelbagai syarikat yang bukan bumiputera seperti Wayang Tinggi dan pelbagai syarikat juga telah kita beri ruang kepada syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam sektor penyiaran.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu kepada Dewan ini siapakah di antara lembaga pengarah yang menduduki dan juga pemegang saham tambahan kepada syarikat yang diberikan sebanyak RM50 juta oleh kerajaan? Di samping itu, adakah Kementerian Penerangan berpuas hati dengan filem-filem yang dipertontonkan melalui kaca TV pada hari ini khususnya adakah budaya Melayu yang suka memukul, lelaki atau suami memukul isteri, anak dipukul dan ini semua adalah gambaran-gambaran yang negatif sahaja berkenaan orang Melayu? Adakah ini kerja Kementerian Penerangan dan bertanggungjawab serta berpuas hati dengan cara itu? Kalau tidak berpuas hati, apakah langkah yang harus dibuat untuk hendak mengembalikan imej Melayu di dalam negara ini supaya tidak berkelahi sahaja tiap-tiap hari? *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Nampak marah ya! *[Ketawa]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebetulnya bukan semua apa yang kita paparkan dalam TV1, TV2 mahupun TV3 ataupun Metro Vision yang memberi gambaran keseluruhan bahawa masyarakat Melayu itu asyik gaduh sahaja. Ada juga adegan-adegan ataupun drama-drama yang cukup baik, seperti kita gambarkan dalam penglibatan kejayaan bangsa Melayu dalam dunia perniagaan. Maka cerita-cerita yang berhubung kait dengan korporat, kejayaan bangsa Melayu dalam dunia perniagaan juga kita paparkan.

Walaupun demikian, seperti Ahli Yang Berhormat telah nyatakan tadi, kita memang tidak puas hati dengan tahap penglibatan sektor bumiputera dalam dunia hiburan ini, maka kita telah meletakkan dan kabinet pun sudah luluskan pada awal bulan Oktober bahawa Dasar Perfileman Negara ini diadakan supaya satu garis panduan di mana kita

boleh letakkan agar dapat dipertingkatkan tahap yang lebih baik lagi agar selaras dengan selera para penonton kita, khususnya masyarakat Melayu.

PERJANJIAN DAMAI KERAJAAN FILIPINA DAN PUAJ PEMBEBASAN MORO - PERANAN MALAYSIA

2. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing] minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan jelas peranan yang telah dimainkan oleh Malaysia jika ada yang membawa kepada perjanjian damai pihak Kerajaan Filipina dan puak pembebasan MORO di Mindanao. Adakah dengan bermulanya lembaran baru perdamaian itu akan mengubah sikap dan pandangan Kerajaan Filipina terhadap kedudukan Sabah dalam Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Malaysia tidak terlibat secara langsung dalam perundingan yang dipelopori oleh ahli jawatankuasa enam negara OIC, namun sebagai sebuah negara jiran dan anggota Kumpulan Kerjasama Serantau Asean, Malaysia sentiasa memberi penuh kepercayaan dan sokongan kepada pihak yang terlibat dalam perundingan tersebut terutamanya Kerajaan Filipina dan pihak MORO National Liberation Front (MNLF) dengan harapan satu perjanjian damai yang muktamad bagi selatan Filipina dapat dicapai.

Kerajaan Malaysia tidak pula gusar sama ada perdamaian di Selatan Filipina akan mengubah sikap dan pandangan Kerajaan Filipina terhadap kedudukan negeri Sabah dalam Malaysia. Tuntutan ke atas negeri Sabah merupakan agenda tersendiri Kerajaan Filipina. Pendirian kita terhadap negeri Sabah sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, telah tetap dan jelas negeri Sabah merupakan sebahagian dari Malaysia secara sah. Malaysia tidak pula mengiktiraf tuntutan Kerajaan Filipina ke atas negeri Sabah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan tambahan, iaitu pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Berkaitan yang sama, tetapi dua perkara. Pertama, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Sabah itu adalah agenda Kerajaan Filipina itu sendiri. Sudah tentu bila ada agenda tersendiri di dalam sesuatu perkara itu terhadap sebuah negara, sudah tentu dia akan merancang masa jangka panjang untuk mencapai agendanya itu. Jadi, persoalan saya yang pertama ialah adakah Kerajaan Malaysia sudah memikir semasak-masaknya implikasi kehadiran rakyat Filipina begitu ramai di negeri Sabah, dan yang kedua adakah....

Tuan Yang di-Pertua: Yang pertama sahaja, Yang Berhormat. Satu soalan sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Adakah rancangan memberi pasport kepada rakyat Filipina di negeri Sabah berhubung dengan rakyat pendatang tanpa izin di situ ada kaitan, oleh kerana ini adalah satu penghinaan kepada kedaulatan negara yang datang ke negara orang lain, kemudian di negara orang lain dia beri pasport kepada rakyatnya sendiri?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Cukup.

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, adakah Kerajaan Persekutuan telah memikirkan masak implikasinya?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, ya.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran adalah saya rasa adalah satu andaian. Sebenarnya rasa tak perlu saya jawab di sini atas andaian sahaja. Tetapi yang saya jelaskan di sini bahawa masalah rakyat Filipina yang datang tanpa izin di Sabah itu adalah soalan lain, keluar dari soalan asal di sini.

Tetapi ingin saya katakan itu satu masalah yang kita masih bekerjasama, berusaha untuk menyelesaikan menerusi perhubungan dua hala antara Kerajaan Filipina dan Kerajaan Malaysia.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada setakat ini negara kita telah secara rasmi untuk meminta negara Filipina menarik balik tuntutan ke atas Sabah supaya hubungan antara dua negara tidak terjejas?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan lagi, tadi dalam jawapan saya bahawa Malaysia tidak mengiktirafkan tuntutan Kerajaan Filipina ke atas negeri Sabah. Kalau kita tidak mengiktiraf, kita tidak perlu membuat apa-apa tindakan.

JALAN KAMPUNG DI SARAWAK - NAIK TARAF

3. **Tuan Richard Riot Jaem [Serian]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) memandangkan kebanyakan jalan kampung di negeri Sarawak adalah jalan tanah merah, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementeriannya bagi mengatasi masalah ini dengan mengetar jalan-jalan kampung tersebut; dan
- (b) jumlah peruntukan bagi tujuan tersebut dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kerajaan memang sedar masih banyak lagi jalan-jalan kampung di luar bandar termasuk di negeri Sarawak terdiri dari jalan-jalan tanah merah. Sebagai langkah untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung tersebut kementerian melaksanakan program menaik taraf jalan kampung yang meliputi seluruh negara. Perlu juga ditegaskan di sini

bahawa tanggungjawab menaikkan taraf jalan atau membina jalan kampung bukanlah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan semata-mata, tetapi ianya juga merupakan tanggungjawab kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan di negeri masing-masing.

- (b) bagi negeri Sarawak, peruntukan bagi menaikkan taraf jalan kampung dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh adalah sebanyak RM100 juta.

SEKOLAH TAMIL SG. RENGAM - PERANCANGAN

4. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar SRJK (Tamil) Sg. Renggam, Shah Alam yang merupakan sebuah sekolah yang menempatkan 1,200 pelajar, dikehendaki membeli tapak sekolah seluas 3 1/2 ekar oleh PKNS pada harga RM1 juta. Apakah rancangan kementerian untuk membantu sekolah tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan mempunyai dasar tertentu dalam hal ini. Selagi sekolah itu bertaraf bantuan modal dan selagi tanah tapak sekolah itu milik peribadi, Kementerian Pendidikan tidak dapat memberi bantuan sepenuhnya kerana sekolah tersebut bukan milik kerajaan.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada awal tahun 1970-an, apabila sekolah SRJK(Tamil) Sungai Renggam ini dipindah kerana terlibat dalam projek pembangunan perbandaran Shah Alam, ia diberikan janji oleh pihak kerajaan bahawa sekeping tanah yang seluas lebih kurang 10 ekar akan diberikan kepada sekolah itu, di mana sekolah ini terletak kini. Tetapi pihak Kerajaan Selangor telah mengambil tanah seluas 6 1/2 ekar,

tinggalkannya hanya 3 1/2 ekar. Memandangkan kos pembelian tanah ini amatlah tinggi, adakah pihak kementerian sudah berunding dengan pihak kerajaan bersabit tanah tersebut dan juga terutama rayuan supaya kos tanah ini dapat direndahkan, dikurangkan lagi ataupun pihak kementerian mengambil untuk membayar kos pembelian kepada PKNS?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar keadaan ini. Suka saya jelaskan bahawa Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Sungai Renggam, Shah Alam ini adalah sebuah sekolah bantuan modal yang pada awalnya berada di ladang Sungai Renggam. Apabila ladang Sungai Renggam dimajukan menjadi sebahagian daripada bandar Shah Alam, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Sungai Renggam ini telah dipindahkan sementara ke atas tapak sekarang yang dirizabkan untuk sekolah kerajaan seluas 10.16 ekar.

Oleh sebab PKNS tidak menyediakan tapak gantian khas untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sungai Renggam, maka Kementerian Pendidikan bersetuju untuk membenarkan SRJK(T) Sungai Renggam kekal di tapak sekarang, dan hanya baki seluas 7.16 ekar telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan untuk membina Sekolah Rendah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran yang akan bermula pada bila-bila masa sahaja.

Tanah seluas 3 ekar yang menjadi tapak SRJK(T) Sungai Renggam tersebut dengan itu adalah hak milik PKNS, dan sebagai sebuah sekolah bantuan modal, Ahli Lembaga Pengurus sekolah berkaitan adalah bertanggungjawab ke atas urusan tapak sekolah berkaitan. Oleh kerana itu, saya suka nasihat Lembaga Pengurus ini supaya berurusan dengan PKNS, kita di kementerian ada menerima memorandum dan kita boleh

bantu setakat yang kita boleh bantu, tetapi tanggungjawab itu ialah tanggungjawab Lembaga Pengurus.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun sekolah SRJK(T) Sungai Renggam ini sebagai sekolah bantuan modal, di mana pemimpin masyarakat India seperti Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah mengumumkan bahawa SRJK(T) di dalam jenis bantuan modal boleh diserapkan supaya Kementerian Pendidikan boleh memberi bantuan sepenuhnya supaya sekolah itu diuruskan. Soalan saya, sama ada kalau sekolah ini di mana Lembaga Pengurus sekolah ini bersetuju untuk serahkan sekolah ini kepada kementerian supaya didirikan secara rasmi, bolehkah ditimbangkan perkara ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mudah sahaja. Bila Lembaga Pengurus berkata setuju hendak serah sekolah yang dia mesti setuju serah bersama ialah hak milik tanah itu. Jadi, selagi dia tak setuju hendak serah hak milik tanah itu, jadi macam mana kita boleh beri bantuan penuh kepada dia. Ia cuma hendak serah sekolah itu kepada kerajaan dengan tak menyerahkan hak milik geran. Jadi, ceritanya hak dia ha dia, hak orang pun hak dia, tak adillah! [*Ketawa*]

SYARIKAT PESISIR YANG DI BERI TARAF IOFC - JUMLAH

5. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah syarikat-syarikat pesisir pantai yang telah bergiat di Labuan sejak ia diberi taraf IOFC dan berapa banyak keuntungan yang telah diperolehi oleh negara daripada syarikat-syarikat berkenaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 882 syarikat luar pesisir telah bergiat semenjak Labuan diberi taraf Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) iaitu pada 1hb. Oktober, 1990. Daripada jumlah tersebut, 52 adalah bank luar pesisir yang termasuk 7 buah bank

tempatan, 10 syarikat insurans dan syarikat berkaitan insurans luar pesisir, 3 buah syarikat pengurusan dana dan 778 buah syarikat luar pesisir perdagangan dan bukan perdagangan yang kebanyakannya terdiri daripada syarikat pemegang harta.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan telah pun memberikan sedikit hasil kepada kerajaan yang diperolehi daripada yuran dan cukai, iaitu kira-kira RM8.7 juta sejak Labuan diiktiraf sebagai IOFC. Walau bagaimanapun pungutan hasil bukanlah merupakan matlamat utama kerajaan, yang lebih penting ialah matlamat untuk menyediakan sistem kewangan negara supaya ianya lebih berdaya saing terutamanya di pasaran modal antarabangsa. Penubuhan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan akan menyediakan asas untuk institusi-institusi kewangan tempatan untuk menghadapi persaingan tersebut melalui pengenalan dan pendedahan kepada produk-produk kewangan yang baru dan yang berinovatif di samping pemindahan teknologi dan peningkatan kemahiran tenaga pekerja industri kewangan di Malaysia keseluruhannya.

Di samping itu, penubuhan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan juga telah meningkatkan peluang pekerjaan dan khidmat sokongan. Setakat bulan September 1996 ini terdapat seramai 392 orang pekerja tempatan telah diambil bekerja dalam sektor perbankan sahaja. Tambahan pula sejumlah 41 buah firma profesional tempatan yang terdiri daripada firma guaman, akauntan, juruaudit, syarikat amanah dan syarikat pembubar juga telah ditubuhkan di Labuan. Ianya juga telah merangsangkan kegiatan perniagaan dan pembinaan fizikal di Labuan.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kutipan daripada cukai dan yuran terhadap aktiviti-aktiviti kewangan luar pesisir antarabangsa ini hanya berjumlah lebih daripada RM8 juta setahun

sahaja, apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menghapuskan pengenaan cukai sebanyak 3% ataupun RM20,000 kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di Labuan?

Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tentang produk-produk kewangan yang akan diperkenalkan di Labuan. Saya ingin tahu apakah produk-produk kewangan yang akan diperkenalkan di Labuan melalui IOFC ini dan apakah ianya termasuk produk kewangan yang berbentuk Islam?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita lihat, RM20,000 ataupun 3% daripada keuntungan itu adalah satu angka yang kecil kalau dibandingkan dengan revenue atau pendapatan negara. Justeru itu, boleh dikatakan pembayaran ini hanya nominal. Jadi, kalau satu hari kemungkinan ada untuk dihapuskan cukai ini, tetapi pada masa sekarang kemungkinan kerajaan tidak akan menghapuskan lagi oleh sebab permulaan - mungkin pada satu hari perkara ini dapat dikajikan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang kedua, mengenai produk-produk, saya tidak dapat sebut satu-persatu tetapi bidang-bidangnya ialah di dalam pembrokeran wang ataupun insurans (money insurance brokerage), perbankan saudagar (merchant banking), penasihat pelaburan (investment advices), perbankan pelaburan (investment banking). Inilah 4 bidang yang boleh dikatakan bidang-bidang produk yang baru yang boleh dieksploitasikan di Labuan.

Mengenai dengan produk-produk Islam, sebagaimana yang kita sedia maklum, Islamic Leasing (al-Hijarah) telah pun wujud di situ dan juga al-Murabahah, dengan izin, Islamic Financing, telah pun wujud di Labuan. Mengenai dengan soal kita mewujudkan indeks ataupun institusi kewangan Islam secara keseluruhannya, perkara ini sedang dikaji oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu sejauh manakah daya persaingan IOFC Labuan berbanding dengan IOFC lain yang terkemuka di dunia dan apakah langkah-langkah yang disusun untuk meningkatkan lagi daya persaingan dalam bidang ini agar dapat memberikan keuntungan yang lebih besar dan manfaat kepada masyarakat Labuan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk kita membandingkan IOFC Labuan dengan IOFC-IOFC lain kerana asas operasinya, strategi dan falsafahnya berlainan. Misalannya, IOFC Labuan tidak menerima wang yang tidak mempunyai sumber yang jelas. Misalannya, IOFC Labuan selaras dengan dasar kerajaan kita yang memegang kepada nilai-nilai etika universal yang kuat dan juga nilai-nilai Islam. Kita tidak menerima wang yang kita tidak mempunyai pengetahuan yang jelas sumbernya, seperti wang mafia ataupun wang yang hendak dibersihkan.

Jadi, di sini kalau kita hendak bandingkan dengan Cook Island ataupun Jersey ataupun Barbados ataupun lain-lain tempat di Carribean, maka, tidak ada asas untuk membandingkan, tetapi jikalau mana-mana IOFC di dunia ini mempunyai sama hadnya dengan kita, sepertimana yang saya katakan tadi, saya pasti bahawa IOFC kita mempunyai daya saing yang baik, kerana pada masa ini dana-dana dari Hong Kong dan dana-dana dari Taiwan sedang membanjiri di situ. Kalau hendak dibandingkan dari segi volume, memanglah di Cook Island misalannya, ia tidak mempunyai had - any money can go into Cook Island, dengan izin, tetapi untuk wang datang ke Labuan kita mengadakan sekatan-sekatan. Misalannya, kita tidak menerima tunai langsung, kita mesti tahu dari

mana sumbernya, bank mana, siapa yang menyimpan dalam bank itu. Jadi, asas hendak membandingkan ini tidak ada.

**PROGRAM GERAKAN DESA WAWASAN -
STRATEGI KEMENTERIAN**

6. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan perkara tersebut:

- (a) berapa jumlah perkampungan akan diwujudkan sebagai kampung yang maju, menarik dan menguntungkan di bawah Program Gerakan Desa Wawasan dalam RMK-7; dan
- (b) apakah strategi yang digunakan oleh kementerian di dalam menjayakan dasar ini, dan berapakah peruntukan dijangka akan disediakan ke arah melaksanakannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan;

- (a) sebanyak 3,000 buah kampung akan dimajukan di bawah program Gerakan Desa Wawasan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh;
- (b) Kementerian ini menggunakan pelbagai strategi bagi menjayakan program Gerakan Desa Wawasan ini iaitu:
 - (i) memberikan penerangan dan penjelasan mengenai GDW kepada semua peringkat pentadbiran;
 - (ii) liputan kampung-kampung yang akan dimajukan di bawah GDW dibuat berperingkat-peringkat dengan memilih kira-kira 600 buah kampung untuk gerakan di bawah GDW pada setiap tahun;

- (iii) menyusun mekanisme perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan GDW di peringkat kampung, daerah, negeri dan persekutuan;
- (iv) untuk menentukan pergerakan GDW di peringkat pelaksanaan berjalan lancar, seorang pegawai daripada Jabatan KEMAS atau Lembaga Kemajuan Wilayah ditugaskan untuk membimbing setiap kampung yang terpilih menjadi kampung GDW;
- (v) Jawatankuasa GDW di peringkat kampung ditubuh - mereka ini terdiri dari orang-orang kampung berkenaan, mereka diarah untuk menyediakan pelan pembangunan dan pelan tindakan kampung mereka yang mempunyai projek dan aktiviti yang akan menjadikan kampung mereka maju, menarik, menguntungkan mengikut falsafah pembangunan luar bandar; dan
- (vi) menyelaraskan dan mengesan perjalanan GDW supaya pelaksanaannya menepati matlamat yang ditetapkan.

Kementerian ini tidak menyediakan peruntukan khusus bagi menjayakan program ini. Gerakan ini menggunakan peruntukan program-program pembangunan yang sedia ada di pelbagai jabatan dan agensi di pelbagai kementerian yang berkenaan bagi membangunkan aspek sosio-ekonomi kawasan luar bandar di samping menggembelngkan tenaga dan sumbangan sektor swasta dan badan-badan kerajaan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa fokus GDW adalah minda. Tujuannya adalah untuk mewujudkan masyarakat desa yang berdaya tahan, berinisiatif, berdikari, berilmu dan memiliki disiplin kerja yang tinggi untuk melaksanakan pemodenan desa.

Untuk mencapai matlamat di atas, pelbagai pakej kursus dan latihan sedang dan akan dijalankan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu di samping langkah-langkah yang telah diaturkan oleh kementerian, apakah rancangan pihak kementerian untuk mencakupi kampung-kampung Orang Asli ataupun kampung-kampung baru di dalam program ini? Dan, adakah juga kementerian bercadang untuk melibatkan keseluruhan masyarakat yang ada di dalam kampung tersebut untuk menganggotai program Gerakan Desa Wawasan ini tanpa diberikan bimbingan yang sepenuhnya oleh pihak Kemas dan juga pihak pembangunan daerah.

Dan setakat

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Okay, terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kampung-kampung arahan telah diberi bahawa dalam pemilihan kampung-kampung ini, ianya akan mencakupi semua kampung termasuk kampung-kampung Orang Asli dan kampung-kampung baru. Kampung-kampung yang dalam pandangan dan dalam garis panduan diberi oleh kementerian, ianya adalah berpotensi untuk dibangun dan juga penduduknya dapat sama-sama mengikut kemajuan yang diharapkan.

Dalam program Gerakan Desa Wawasan ini, memang ianya melibatkan semua penduduk dan bimbingan adalah diadakan dari permulaan dan kita berharap bimbingan

ini tidak berjalan panjang kerana kita cukup harapan bahawa masyarakat penduduk setempat sendiri dapat merancang, dapat melaksana dan kemudian mengatur pembangunan kampung sendiri kerana akhirnya kita mengharapkan mereka dapat mengatur pembangunan di kawasan masing-masing.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu menerima hakikat tujuan Gerakan Desa Wawasan ialah untuk menukarkan minda, bukan untuk menukarkan fizikal development di dalam kampung-kampung tersebut. Jadi, salah satu kampung di antara yang 3,000 kampung ialah Kampung Baru Sebuyau di kawasan saya. Pada masa sekarang telah dilanda oleh masalah hakisan air iaitu perkara semula jadi. Dalam keadaan yang sedemikian, adakah kementerian bercadang untuk membantu kampung tersebut agar Gerakan Desa Wawasan ini dicapai sebelum kampung itu hilang dari muka bumi ini oleh kerana hakisan air.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa walaupun fokus Gerakan Desa Wawasan ini kepada perubahan minda, tetapi kita juga tidak lupa dengan pembangunan fizikal, pembangunan jalan kampungnya, pembangunan bekalan elektriknya, asas-asas industri luar bandarnya, semua ini kita terus bangun sama-sama. Tetapi, kita memberi penekanan kepada pembangunan minda kerana kita percaya bahawa kalau masyarakat itu dapat berdikari, dapat merancang sendiri, mereka ini dapatlah mengambil peluang untuk menggunakan apa-apa yang ada, sumber-sumber dan peluang yang ada di sekeliling mereka untuk membangun maju ke arah Wawasan 2020.

Mengenai kampung yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kita ada program iaitu penyusunan semula kampung. Jadi, kalau kampung seperti yang

disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini akan hilang oleh kerana masalah-masalah yang dihadapi di situ, maka saya harap Ahli Yang Berhormat boleh berbincang dengan pegawai daerah dan kita boleh fikirkan sama ada kita dapat membantu sama ada untuk membangunkan kampung ini ataupun mengaturkan satu program untuk memindahkan penduduk-penduduk ke tempat yang lebih selamat.

BELIA - AGENDA MENGHADAPI ABAD KE-21

7. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan dan perancangan yang telah diambil oleh kementerian untuk menggerakkan peranan pergerakan belia dan generasi muda dalam abad ke-21, supaya menjadi warganegara Malaysia yang progresif, bertamadun dan bersemangat patriotik, agar keperibadian mereka yang berbudaya bersih, pasti mampu mewujudkan masyarakat yang berbudaya Malaysia yang sebenar.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan generasi muda yang berkualiti adalah penting bagi mencapai Wawasan 2020. Oleh hal yang demikian, pergerakan belia memerlukan suatu agenda pembangunan yang kukuh, mantap dan praktikal bagi mewujudkan warganegara yang progresif, bertamadun dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan tanah air.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Belia dan Sukan akan memperkenalkan lima agenda perdana memperkasa pembangunan belia dalam mempersiapkan generasi belia bagi menghadapi abad ke-21. Lima agenda perdana ini adalah untuk:-

- * mempergiatkan usaha membentuk generasi muda yang dinamik, berbudaya tinggi dengan keilmuan, kemahiran dan teknologi terkini;
- * menyemarakkan aktiviti-aktiviti belia terutamanya melalui latihan tidak formal berteraskan nilai-nilai agama, moral dan ciri-ciri tempatan;
- * memantapkan usaha melahirkan pelapis pemimpin;

- * memperkukuhkan rangkaian dan kerjasama di antara kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan swasta; dan
- * menyuburkan budaya persejagatan dalam pemikiran dan aktiviti belia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyempurnakan 5 agenda perdana, Kementerian Belia dan Sukan akan melaksanakan **7 Program Teras** ke arah penyediaan, pembinaan dan pemantapan generasi belia dalam pelbagai bidang. Program Teras yang akan dilaksanakan ialah:-

(i) **Program Pimpinan Perdana:**

Bagi Rancangan Malaysia Ke-7, kementerian akan melatih seramai 160,000 generasi belia dalam bidang kepimpinan, terdiri daripada belia lepasan sekolah, pemimpin-pemimpin pertubuhan bukan kerajaan, institusi-intituti pengajian tinggi, pekerja-pekerja muda dan wanita. Melalui program ini diharapkan dapat melahirkan pemimpin pelapis yang punya rasa penanggungjawaban iaitu accountability.

(ii) **Program Pembangunan Kemahiran:**

Dalam tempoh lima tahun, dianggarkan terdapat 2 juta pelajar-pelajar lepasan SPM. Kementerian Belia dan Sukan akan melatih kumpulan sasaran ini dalam pelbagai jenis kemahiran vokasional.

Di antaranya melalui:-

- (a) Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN);

- (b) Institut-institut Kemahiran di bawah agensi awam seperti Pusat Latihan Perindustrian dan MARA;
- (c) Latihan sebelah petang dan malam dengan menggunakan kemudahan di sekolah-sekolah vokasional;
- (d) Program Perantis Kebangsaan;
- (e) Kerjasama strategik bersama industri.

(iii) **Program Pembangunan Usahawan:**

Kementerian Belia dan Sukan akan memperkemaskan lagi pelaksanaan program pembangunan usahawan. Latihan motivasi dan pengurusan keusahawanan akan terus dipergiatkan untuk memupuk dan melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan belia.

(iv) **Program Pembinaan Sahsiah:**

Kementerian akan terus memberi keutamaan dalam melahirkan belia yang beriman, bertaqwa dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Kementerian akan bekerjasama dengan Pusat Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di negeri-negeri serta semua pihak yang terbabit untuk pelaksanaan program yang lebih berkesan.

(v) **Program Penjaringan Antarabangsa:**

Pemimpin-pemimpin belia akan diberi keutamaan untuk mengikuti program-program di peringkat antarabangsa melalui konvensyen, seminar, forum dan mesyuarat. Adalah diharapkan Malaysia akan

terus dapat menerajui kepimpinan dalam badan-badan belia antarabangsa.

(vi) **Program Penyelidikan dan Pembangunan Fizikal:**

Kementerian akan bekerjasama dengan pihak universiti-universiti tempatan untuk membuat kajian-kajian mengenai potensi pembangunan belia dalam pelbagai bidang. Projek-projek pembangunan fizikal seperti penubuhan Institut Kemahiran Belia dan Pusat Aktiviti Belia di peringkat negeri dan daerah akan diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh.

(vii) **Program Rakan Muda:**

Program Rakan Muda akan terus dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada remaja yang berumur 18 hingga 25 tahun dan mereka yang di luar sistem persekolahan. Kumpulan remaja tersebut akan didahulukan untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Aktiviti-aktiviti yang dirancang dianjurkan secara berterusan dan tidak bermusim. Melalui pelbagai aktiviti Rakan Muda, elemen nilai murni akan diterapkan kepada peserta.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa '5 Agenda Perdana' ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak. Perjuangan ke arah membentuk generasi muda yang bersemangat patriotik dan berbudaya Malaysia merupakan perjuangan panjang yang memerlukan komitmen, pengorbanan dan kegigihan seluruh anggota masyarakat .

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian, tetapi apa yang mendukacitakan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi terdapat belia yang tidak dapat

sebenar-benarnya mengikuti program yang telah disediakan oleh kementerian. Jadi, kita ingin tahu di manakah silapnya? Apakah program yang diatitkan itu tidak sampai ke akar umbi ataupun apakah masalah yang sebenarnya dihadapi oleh kementerian, baik di pejabat di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah? Terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar kalau kita katakan program-program yang kita lancarkan ini tidak sampai kepada belia atau akar umbi masyarakat tetapi kita menghadapi masalah juga sekiranya kita mengkaji dari segi "effectiveness". Jadi, kita sedang mengkaji dan salah satu masalah yang kita hadapi, yang kita tahu ialah persatuan-persatuan ataupun pertubuhan-pertubuhan belia ataupun pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), mereka itu tidak begitu aktif.

Kini kita nampak selepas langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan, beberapa pertubuhan-pertubuhan belia telah dihidupkan semula dan kita nampak bahawa program ini telah sampai ke satu tahap yang kita anggap adalah memuaskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah program Rakan Muda dilaksanakan beberapa tahun kebelakangan ini, nampak kesannya bukan positif tetapi negatif!

Beberapa Ahli: Negatif..

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Wang telah banyak dibelanjakan, tetapi dari segi lepak misalnya, sebelum program Rakan Muda dilaksanakan tidaklah banyak seperti sekarang ini? Begitu juga dari segi dadah, dari segi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak bertanya soalan ke?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: dari segi moral...

Tuan Yang di-Pertua: Sila bertanya soalan ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi, apakah pihak kementerian sedar?

Seorang ahli: Soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kalau kementerian sedar bagaimana cara untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan program Rakan Muda selama ini? Saya minta pihak Timbalan Menteri untuk memberi jawapan yang positif dalam Dewan ini. *[Ketawa]*.

Dato' Loke Yuen Yow: Janganlah marah! Tuan Yang di-Pertua, kita bukan katakan program Rakan Muda ini 'perfect', ada kelemahan juga. Tetapi kita telah wujudkan program Rakan Muda ini, kita dapat tengok bahawa belia-belia kita ini telah dapat satu arah yang sihat untuk mereka mengikut aktiviti-aktiviti dan untuk mereka melibatkan diri. Tetapi kalau katakan program Rakan Muda ini tidak begitu 'effective' iaitu bukan di seluruh negara, cuma di Kelantan. Itulah masalah kerana Kerajaan Negeri itu tidak memberi kerjasama yang mencukupi, jadi saya mintalah kalau PAS berpendapat bahawa program ini tidak 'effective', mereka boleh mewujudkan satu program yang istimewa di Negeri Kelantan untuk belia. Terima kasih.

MINYAK SAWIT MALAYSIA DI PASARAN DUNIA

8. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sejauh manakah minyak sawit Malaysia mampu bersaing untuk menguasai pasaran minyak dunia dengan minyak kacang soya dan lemak; dan
- (b) apakah kelemahan dan halangan yang sedang dan akan dihadapi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Industri minyak sawit negara Malaysia sanggup untuk bersaing dengan pengeluar minyak kacang soya dan lemak lain. Ini terbukti dengan peningkatan syer minyak sawit dalam jumlah perdagangan minyak dan lemak dunia dari 23.7% pada tahun 1980 kepada 35% pada tahun 1995 sedangkan syer minyak kacang soya tidak mengalami peningkatan yang ketara iaitu dari 18.6% kepada 19% bagi tempoh yang sama. Minyak sawit Malaysia menguasai 62% daripada eksport minyak sawit dunia. Industri minyak sawit Malaysia dijangka akan terus berkembang kerana menjelang tahun 2010, eksport minyak sawit dijangka akan meningkat kepada 18 juta tan metrik atau 44% dari jumlah eksport minyak dan lemak dunia berbanding dengan minyak kacang soya sebanyak 17%.

Perkembangan industri yang menggalakkan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti harga yang kompetitif, kos pengeluaran yang lebih rendah, permintaan terhadap minyak dan lemak yang dijangka bertambah dan penyelidikan dan pembangunan yang berterusan bagi meningkatkan mutu serta kepelbagaian kegunaannya.

- (b) Di antara kelemahan-kelemahan yang sedang dihadapi oleh industri minyak sawit Malaysia kini ialah halangan tarif dan bukan tarif dari negara-negara pengimport, kekurangan tenaga kerja di ladang, tanah yang terhad dan usaha-usaha pihak yang tidak bertanggungjawab ke arah memburukkan imej minyak sawit dari masa ke semasa.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sukacita sekiranya dapat penjelasan tambahan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai perkembangan industri minyak sawit. Selain daripada kita mengeksport dalam bentuk minyak makan, jadi apakah hasil pertemuan daripada R&D yang berpotensi supaya minyak sawit ini dapat digunakan untuk menghasilkan produk-produk hiliran seperti digunakan dalam kosmetik, perubatan, bahan api dan sebagainya, untuk menambahkan nilai tambahan kepada minyak sawit ini? Terima kasih.

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, melalui R&D, PORIM telah banyak membangunkan produk baru yang menggunakan minyak sawit sebagai bahan rumusan. Penggunaan dalam produk-produk baru ini adalah di antara kegunaan baru makanan ialah seperti minyak sawit merah, aiskrim, lelemak, 'salad dressing', minyak debu, keju sawit, coklat dan produk sawit juga sesuai untuk penghasilan produk pharmaceutical kita seperti vitamin E, beta carotene dan pelbagai lagi seperti lilin, sabun, kosmetik yang dikatakan tadi dan banyak produk baru yang telah ditemui oleh PORIM.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa satu daripada kuasa saing pasaran kita amnya di pasaran dunia ialah harga yang kompetitif. Jadi, soalan saya adakah kementerian menyedari hakikat bahawa banyak penanam kelapa sawit dari negara kita termasuk juga kerajaan-kerajaan negeri mula melabur menanam kelapa sawit di luar negara. Soalan saya, adakah ini menjejaskan pasaran kita di masa akan datang dan kalau ini difikirkan menjejaskan, apakah tindakan kementerian untuk menggalakkan pihak-pihak yang mempunyai kemampuan supaya menumpukan perusahaan di negara kita sendiri supaya jangan kita secara sendiri bersaing di pasaran antarabangsa nanti? Terima kasih.

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan oleh syarikat-syarikat perladangan di luar negara tidak akan menjejaskan pengeluaran kelapa sawit di negara kita. Tetapi oleh kerana seperti yang saya katakan tadi, di antara kelemahan-kelemahan yang dialami di dalam industri minyak sawit ialah kekurangan tenaga kerja di ladang dan tanah yang terhad. Maka, kerajaan memang menggalakkan syarikat-syarikat

perladangan Malaysia melabur di seberang laut khasnya dalam bidang kelapa sawit, kerana syarikat-syarikat perladangan ini mempunyai expertise di dalam bidang perladangan kelapa sawit dan mereka ingin memperluaskan operasi mereka. Di samping itu di negara-negara di mana mereka melabur seperti di Indonesia, Filipina dan Papua New Guinea khasnya mempunyai kawasan tanah yang luas, sesuai untuk tanaman kelapa sawit dan tenaga buruh, petani yang ramai serta kadar upah yang rendah. Oleh itu, kerajaan negara-negara tersebut juga sedang menggalakkan syarikat-syarikat perladangan kelapa sawit Malaysia untuk membuat pelaburan dalam bidang tersebut di negara-negara mereka.

Di samping itu Kerajaan Malaysia juga menggalakkan pelaburan di luar negara supaya syarikat-syarikat Malaysia boleh menikmati keuntungan daripada wujudnya kawasan tanah yang sesuai, bekalan buruh yang ramai yang boleh diberikan digemblengkan dengan kepakaran syarikat-syarikat ini dalam bidang pengurusan dan teknologi.

KAD PENGENALAN PALSU - JUMLAH DIKESAN

9. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kad pengenalan palsu yang dapat dikesan sejak 1990-1995 di Malaysia Timur dan Malaysia Barat; dan
- (b) apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 1990 hingga 1995 bilangan kad pengenalan palsu yang dapat dikesan di Sabah dan Sarawak ialah 10,238 dan di Semenanjung Malaysia 5,524.
- (b) Tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini ialah:
 - (i) mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan kad pengenalan baru;
 - (ii) menjalankan siasatan rapi bagi membanteras dan menangkap mereka yang terlibat dalam kegiatan sindiket;
 - (iii) menjalankan operasi pemeriksaan dan pencegah ke atas kegiatan sindiket berkenaan;
 - (iv) menubuhkan Unit Penguatkuasaan Jabatan Pendaftaran di setiap negeri untuk membanteras kegiatan pemalsuan kad pengenalan; dan
 - (v) mengkaji kemungkinan meminda Akta Pendaftaran Negara dengan tujuan mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas pihak yang terlibat dalam kegiatan memalsukan dokumen ini.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa banyakkah sindiket yang memalsukan kad pengenalan ataupun menjadi faktor memalsukan kad pengenalan ini yang telah dikesan? Apakah hukuman-hukuman yang telah dikenakan ke atas mereka? Apakah langkah-langkah kerajaan bagi menghalang kad pengenalan palsu yang telah berjaya diperolehi oleh pihak-pihak yang tertentu supaya mereka ini tidak

menggunakan kad pengenalan palsu ini bagi mendaftarkan sebagai pengundi di dalam pilihan raya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi orang perseorangan yang telah pun mendapat kad pengenalan palsu, katakan bukan dari sindiket, kerajaan biasanya mendakwa mereka mengikut Akta Pendaftaran 1990, tetapi hukumannya ringan sangat iaitu maksimum denda RM3,000 ataupun penjara 2 tahun atau kedua-duanya. Oleh sebab itu, salah satu langkah seperti yang saya kata, kita sedang memikirkan untuk meminda akta ini.

Bagi sindiket ataupun mereka yang sengaja atau lebih hebat melibatkan diri untuk sebab keuntungannya, kerajaan terpaksa menggunakan ISA. Selama ini kita telah memasukkan mereka yang terlibat dalam dokumen palsu, ahli-ahli sindiket ini ataupun orang perseorangan di dalam Kem Kamunting ada kira-kira 160 orang yang semuanya terlibat dalam dokumen palsu, di mana mereka telah ditangkap dalam satu operasi di Sabah pada tahun lalu hingga sekarang. Kumpulan yang terlibat dalam memalsukan kad pengenalan itu kira-kira ada 50 orang yang masih dalam tahanan di bawah ISA.

Mereka yang telah memperolehi kad pengenalan palsu itu kebanyakan adalah kad plastik yang lama. Apabila dia hendak tukar menjadi kad KPT akan susah sebab tapisan kita sangat ketat. Ini adalah satu cara, kita tunggu mereka datang, bila hendak tukar kita akan dapat kesan dan menangkap ataupun mendedahkan kad pengenalan yang palsu itu.

Tuan Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri, apakah tindakan yang diambil kepada orang-orang yang memegang kad pengenalan palsu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya baru jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah jawab tadi.

Tuan Ong Ka Ting: Kita akan dakwa mereka di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Tuan Lim Siang Chai.

[Soalan No. 10 - Y.B. Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan.

[Soalan No. 11 - Y.B. Datuk Song Swee Guan (Bandar Kuching) tidak hadir]

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN DI SARAWAK - CADANGAN MENYUSUN SEMULA

12. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk menyusun semula dan membuka lebih banyak lagi pejabat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Sarawak seperti Sibu, Bintulu dan Miri. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa. Buat masa sekarang LPKP hanya mempunyai sebuah pejabat di Kuching untuk mengendalikan semua pelesenan kenderaan perdagangan di sebuah negeri di mana pembangunan ekonomi yang begitu pesat. Para pemilik kenderaan tersebut terpaksa pergi ke Kuching dan membuang masa serta wang hanya untuk menukar Lesen Permohonan kepada Lesen Pembawa atau pembaharuan lesen dan biasanya ia memakan masa beberapa minggu ataupun bulan.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat cuma sebuah sahaja pejabat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di negeri Sarawak iaitu di Kuching.

Kementerian Pembangunan Usahawan berpendapat adalah perlu ditambah bilangan cawangannya di negeri Sarawak. Oleh itu kementerian sedang berunding dengan agensi pusat pada masa ini untuk membolehkan penubuhan beberapa buah pejabat cawangan yang baru. Keputusan muktamad mengenai perkara ini dijangka akan diketahui dalam sedikit masa lagi.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, mengapakah LPKP mengambil masa lama dalam 3 bulan baru dapat menyelesaikan permohonan atau menyiapkan penukaran lesen di Sarawak.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, orang ramai berurusan dengan LPKP untuk beberapa perkara.

- (i) Untuk membuat permohonan lesen yang baru.
- (ii) Untuk menukar atau memperbaharui lesen.

Bagi urusan membaharui lesen, masa yang diambil tidaklah begitu lama dan bagi permohonan baru Piagam Pelanggan yang ditetapkan ialah seorang pelanggan itu atau pemohon itu perlu mendapat jawapan dalam masa 3 bulan - itu Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan. Antara sebab kenapa masa diambil untuk memproses permohonan, termasuklah semakan yang perlu dibuat terhadap permohonan. Ini membabitkan semakan terhadap butir-butir yang dikemukakan termasuk juga premis perniagaan dan sebagainya. Selain daripada itu bagi permohonan-permohonan yang melibatkan bilangan kenderaan yang banyak, maka proses temuduga perlu diadakan. Oleh yang demikian, masa kira-kira 3 bulan diperlukan. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat ada kes-kes tertentu yang melibatkan kelewatan, saya sukacita menerima aduan daripada Yang Berhormat untuk diselesaikan mengenai masalah yang dibangkitkan.

PROGRAM BAKTI DESA - GALAKAN KEMENTERIAN

13. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bagaimanakah kedudukan Program Bakti Desa; dan
- (b) apakah langkah-langkah penggalakan yang diambil oleh kementerian untuk program itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, sejak Program Bakti Desa

diperkenalkan pada akhir Oktober, 1995 sehingga kini kira-kira 40 buah syarikat telah bersetuju untuk menyertai program ini. Daripada jumlah tersebut 26 buah syarikat telah menandatangani perjanjian persefahaman. Penyertaan syarikat-syarikat ini adalah dalam pelbagai bentuk antaranya adalah mengambil sesuatu desa sebagai desa angkat, mengusahakan sesuatu aktiviti ekonomi dan sosial atau mengambil sumbangan derma dan kombinasi sumber-sumber yang berkenaan.

Beberapa aktiviti dan kampung telah dikenalpasti dan pelaksanaannya dalam pelbagai peringkat. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menggalakkan program ini ialah:

- (i) memberi pengecualian cukai pendapatan kepada sumbangan kewangan yang diberi oleh syarikat;
- (ii) memaklum dan memohon kerjasama semua kerajaan negeri dan pemimpin-pemimpin termasuk Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat untuk mendapatkan penyertaan syarikat bagi membantu memajukan desa dan kawasan masing-masing;
- (iii) mengadakan majlis penerangan, ceramah pada pihak-pihak terlibat seperti kerajaan negeri dan kumpulan sasaran.
- (iv) mendapatkan penyertaan syarikat-syarikat sama ada secara terus atau pun melalui networking.
- (v) memberi publisiti yang berterusan mengenai program ini sama ada melalui majlis tertentu atau pun penerbitan dan lain-lain publisiti.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat tentang projek yang baik ini Projek Bakti Desa ini. Setakat ini bagaimana sambutan daripada masyarakat-masyarakat di desa tentang Program Bakti Desa ini? Adakah

mereka menyanjung tinggi? Bagaimana sokongan dan kerjasama daripada mereka? Saya minta sedikit feedback dan maklum balas daripada Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, dalam Program Bakti Desa ini kita, kementerian memilih kampung-kampung atau pun syarikat tertentu memilih kampung yang akan dimajukan oleh syarikat tersebut. Dan dari beberapa 40 syarikat yang telah menunjukkan minat, mereka telah memilih kampung dan dari maklum balas yang kami dapat, rakyat desa memang menyambut baik bantuan yang diberikan oleh korporat-korporat ini. Oleh itu, saya berharap Yang Berhormat sendiri pun tampil ke hadapan untuk memberi bantuan kepada pihak desa. Oh! dia tidak ikut kata Kementerian Kewangan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah banyak terbaca dalam surat khabar yang mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri membuat satu komen iaitu syarikat-syarikat besar tidak mahu datang ke hadapan membuat "social service" mereka.

Jadi, persoalan saya ialah adakah kerajaan membuat satu syor kepada Kementerian Kewangan - tiap-tiap syarikat besar yang diberi konsesi-konsesi yang besar dan jangka panjang daripada syarikat tersebut syartkan supaya mengambil beberapa kampung dan desa untuk di anakangkatkan oleh mereka?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, ada dua Timbalan Menteri Kewangan di sini dan saya harap mereka menimbangkan cadangan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar. Kami memang menerima baik apa-apa cara bagaimana kita menentukan bahawa rakyat Malaysia yang telah bertuah, yang telah

berjaya dalam bidang perniagaan dapat mara ke hadapan untuk membantu masyarakat desa yang kurang bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 11 dan 14 hingga 36 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." *[6hb. November, 1996]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Nerus, sila sambung. Yang Berhormat ada lima belas minit.

3.35 ptg.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd Said [Kuala Nerus]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan 14 peratus

daripada 117 kes penganiayaan kanak-kanak pada penganiayaan seks. Sementara itu 24 peratus remaja berusia di antara 13 hingga 19 tahun di dapati pernah berzina. Pembabitan wanita dan gadis dalam aktiviti tidak bermoral meningkat dari 514 kes pada tahun 1990 kepada 850 kes pada tahun 1995 yang terdiri daripada gadis di bawah umur.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak seharusnya dijadikan pelabuhan persinggahan masalah ini. Bukan hanya menjadi pusat perlindungan tempat menutup malu atau aib keluarga sahaja tetapi juga seharusnya menubuhkan satu badan penguatkuasa yang diberikan kuasa mutlak sama ada kuasa untuk menggeledah atau kuasa untuk membuat satu gerak-gempur bagi menyelesaikan sesuatu masalah; diberi kuasa untuk menyasat secara mutlak, menggeledah tempat-tempat yang disyaki atau dilaporkan oleh orang ramai dan kuasa ini - kuasa penguatkuasaan undang-undang - yang saya kira adalah kuasa yang tertinggi. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga, seharusnya melihat perkembangan-perkembangan terbaru, cara-cara terbaru, teknik-teknik terbaru tentang perlindungan, pemulihan dan penerimaan semula masyarakat-masyarakat yang terlibat di dalam gejala-gejala yang tidak bermoral tersebut.

Masalah pekerja asing dan pendatang haram. Negara yang membangun sering menarik pekerja-pekerja asing untuk mencari rezeki untuk bekerja di sektor-sektor kilang, restoran, pembinaan, pembantu rumah dan buruh-buruh kasar di pelbagai bidang. Pola ini berlaku di kebanyakan negara Barat, misalnya lebih 2 juta pekerja asing di Jerman diambil untuk menjadi pekerja-pekerja bawahan. Begitu juga di Perancis telah mengimport buruh-buruh kasar dari Afrika Utara dan juga seperti dari negara Islam Maghribi, Algeria dan Tunisia. Samalah halnya dengan London yang dihujani oleh "mamak-mamak" dari India dan Pakistan serta Filipina. Tidak kurang pula dengan Arab Saudi dan Kuwait yang mempelawa gadis-gadis Filipina untuk menjadi pembantu rumah, sehinggakan ada yang dicabul kehormatannya oleh tuan-tuannya.

Negara yang dekat dengan Malaysia yang menyerupai masalah di Malaysia adalah Singapura, Korea dan Jepun. Korea Selatan mengimport rakyat Bangladesah tetapi tidaklah sebanyak sebagaimana di Malaysia. Jumlahnya dalam lingkungan 120,000

orang sahaja dan begitu juga halnya dengan Singapura dan Korea yang tidak sehebat Malaysia sehingga mencapai angka 2 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya unit Task Force yang sebelum ini wujud untuk mengawal pendatang-pendatang asing serta pelarian-pelarian Vietnam yang telah dibubarkan supaya diwujudkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bawa di Dewan yang mulia ini adalah masalah pengecilan ataupun down sizing Bank Negara Malaysia. Langkah Bank Negara Malaysia mengecilkan atau down sizing, dengan izin, adalah satu langkah yang baik di dalam dasar penjimatan perbelanjaan kerajaan. Beberapa perubahan telah dilaksanakan di seluruh negara bagi menyesuaikan dengan arahan pengecilan ini. Walau bagaimanapun, saya dapati kebanyakan daripada cawangan Bank Negara di seluruh negara hanya beberapa tahun sahaja dibina dan peruntukan yang begitu besar telah diperuntukkan untuk menyiapkan cawangan-cawangan tersebut.

Bank Negara merupakan payung kepada institusi kewangan di seluruh negara. Walaupun penglibatan Bank Negara ke atas bank-bank perdagangan tidak dilihat sebagai penentu kepada kejayaan masing-masing, tetapi pelaksanaan, penguatkuasaan dan susulan, tidak dapat tidak, merupakan faktor utama kenapa ianya perlu dikaji.

Sebagai contoh, bahagian task force ataupun bahagian audit Bank Negara merupakan polis kepada bank-bank perdagangan di seluruh negara. Bahagian ini merupakan satu bahagian yang ditakuti oleh semua bank-bank perdagangan di seluruh negara. Bila sahaja mereka dapat tahu task force Bank Negara berkunjung ke cawangan-cawangan ataupun ke ibu pejabat bank-bank perdagangan, maka masing-masing, baik di waktu malam, ataupun di waktu cuti hujung minggu datang ke bank untuk

memperkembangkan segala kerja yang tidak mengikut peraturan dan tidak mengikut manual yang ada di antaranya menjadi amalan biasa kepada mereka.

Saya kurang pasti sama ada di dalam strategi pengecilan Bank Negara tersebut dapat mengekalkan keberkesanan Bank Negara selama ini. Kerana kita bersetuju bahawa peranan yang dimainkan oleh Bank Negara dengan kakitangan yang begitu ramai telah banyak memberi kesan kepada bank-bank perdagangan di seluruh negara. Sebagai contoh, Biro Maklumat Cek Bank Negara (BMC) yang sejak kebelakangan ini telah pun melaksanakan tugas yang baik yang pada hari ini kita percaya bahawa dengan wujudnya biro ini di bawah Bank Negara, kita dapati masalah cek-cek tendang dan masalah tidak cukup wang serta masalah cek yang tidak boleh kita honour dan sebagainya sedikit sebanyak telah dapat diselesaikan.

Begitu juga akhir-akhir ini, telah ditubuhkan Central Credit Bureau yang kita ketahui satu biro yang memainkan peranan untuk semua bank mendapatkan maklumat kredit daripada Bank Negara. Apakah nanti dengan pengecilan saiz Bank Negara kita dapat mengekalkan kualiti dan efficiency ini dengan jumlah kakitangan yang sedikit?

Sementara itu, kita juga tidak yakin bahawa kakitangan Bank Negara yang bekerja dengan Bank Negara pada hari ini boleh diberi jaminan supaya dapat bersaing dan bekerja di bank-bank perdagangan, setanding dengan pengurus-pengurus ataupun pegawai-pegawai bank yang selama ini telah mempunyai pengalaman yang cukup banyak dan yang selama ini mempunyai kekananan yang sememangnya tidak dapat kita nafikan lagi.

Ini bermakna, suasananya akan berubah. Apabila seseorang yang selama ini bekerja dengan Bank Negara untuk sama-sama bekerja di bank perdagangan ataupun

institusi kewangan yang lain yang saya kira sudah jelas tidak memberi advantage kepada mereka. Ini pun kalau boleh diterima oleh bank-bank perdagangan yang ada di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan, pada ketika ini Bank Negara sedang menubuhkan satu pusat latihan iaitu Bank Islam Research and Training (BIRT). Saya ingin mencadangkan supaya kakitangan Bank Negara yang akan diberhentikan supaya diserapkan di dalam institusi yang akan ditubuhkan ini supaya suatu masa nanti kita dapat melatih pegawai-pegawai bank yang tahu di dalam semua bidang.

Kerana pada hari ini, banyak lagi perkara-perkara yang perlu kita berikan didikan tentang perlunya kefahaman kepada masalah-masalah baru. Sebagai contoh, kita menubuhkan KLOFFE dan kita juga menggalakkan future's market. Pada saya, masalah yang kita hadapi pada hari ini adalah masalah penerimaan, masalah pembelajaran, masalah didikan dan masalah menerima input perkara-perkara baru yang kita kira perkara-perkara baru ini tidak boleh diajar oleh sesiapa sahaja, kecuali kepada orang-orang yang tahu di dalam bidang-bidang tertentu.

Lainlah sebagaimana yang berlaku di negara jiran kita, iaitu Singapura. Kalau Singapura, Future's Market Act, iaitu di bawah Singapore International Monetary Exchange (SIMEX) telah pun diluluskan pada tahun 1984, tetapi kita baru dua tahun mempelajari perkara ini dan kita percaya bahawa terlampau banyak perkara baru dan terminology baru yang kita perlu dedahkan dan kita perlu beri tunjuk ajar kepada masyarakat di negara kita.

Maka adalah baik kalau.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Maka adalah baik kalau kakitangan Bank Negara yang akan kita berhentikan, kita satukan tenaga dan pemikiran untuk menjadi nukleus kepada pembentukan institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi sebelum saya duduk, iaitu tentang peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai bank. Pada awal tahun 1970-an, bila kita sebut

seorang Pengurus Bank ataupun Bank Manager, barangkali kita, masyarakat Melayu khususnya merasakan begitu besar - merasa begitu tinggi statusnya. Tetapi pada hari ini, jawatan itu tidaklah seberapa tinggi dan tidaklah seberapa besar kerana sudah ramai pengurus bank yang tahu di dalam banyak perkara. Tetapi kalau kita lihat pada hari ini, di dalam Belanjawan juga disebut tentang SPTS, disebut juga tentang penubuhan Indeks Kewangan Islam dan sebagainya.

Saya sukalah menyebut bahawa peluang kenaikan pangkat yang ada pada Institusi Muamalah Islam ini perlu dikaji dan perlu diberi satu tumpuan supaya ianya lebih prospektif untuk masa-masa yang akan datang.

Untuk itu saya menyokong Belanjawan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sepang.

3.50 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam membahaskan ucapan pembentangan Belanjawan 1997 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita baru lalu.

Pembentangan Belanjawan 1997 tempoh hari menampakkan kesinambungan dalam iltizam kerajaan memberikan kemakmuran serta menyediakan masyarakat Malaysia menghadapi fajar alaf baru yang semakin hampir. Belanjawan ini secara umumnya mendorong masyarakat termasuk golongan muda memberikan tumpuan dalam bidang teknologi, meningkatkan kemahiran, menambahkan tabungan dan pada masa yang sama mengingati supaya sedar dan insaf dalam menegakkan masyarakat yang adil dan penyayang lagi berbudaya. Ianya selari dengan wawasan kerajaan untuk membina ekonomi yang tangkas, sistem kerajaan yang adil dan masyarakat yang makmur.

Menyedari hakikat bahawa kita tidak mampu mengasingkan diri dari arus gelombang revolusi teknologi serta kepesatan ekonomi rantau sebelah sini, Belanjawan ini menampakkan ciri-ciri pengukuhan asas dan dasar serta hala tuju membentuk acuan masyarakat dan budaya yang akan lahir hasil dari ciri ketamadunan yang serba canggih ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan sekali lagi menjadi agenda utama kerajaan dalam Belanjawan 1997 ini. Menurut perangkaan yang diberikan, sejumlah RM13.2 bilion atau kira-kira 22% dari nilai keseluruhan Belanjawan telah diperuntukkan untuk sektor pendidikan dan latihan tenaga kerja sahaja. Ini jelas menunjukkan peningkatan ketara dari tahun 1995 iaitu RM10.3 bilion berbanding dengan 1994 iaitu RM7.715 bilion.

Tidak ada mana-mana negara di dunia hari ini yang berani mempertaruhkan sebegitu banyak peruntukan untuk pendidikan melainkan Malaysia. Yang banyak selalunya untuk pertahanan. Jelas kerajaan berpegang kepada prinsip yang pernah diutarakan oleh Benjamin Franklin iaitu "*An investment knowledge always pay the best interest*", dengan izin. Peruntukan sebanyak RM1.2 bilion untuk biasiswa dan pinjaman persekolahan serta sumbangan untuk pelancaran dana pendidikan tinggi sebanyak RM100 juta juga menampakkan komitmen kerajaan dalam usaha membantu pelajar-pelajar miskin atau kurang upaya dari segi ekonomi untuk menimba ilmu.

Malang sekali, dalam mengambil kira keprihatinan kerajaan meneruskan peruntukan untuk pendidikan, kita agak terkilang dengan sikap sesetengah gergasi korporat di Malaysia yang masih gagal menunjukkan iltizam menyahut seruan membantu meringankan bebanan kewangan kerajaan terutama sekali dalam soal pendidikan. Memang tidak dinafikan ada beberapa gergasi korporat yang akan menubuhkan

universiti-universiti tersendiri atau memberikan bantuan biasiswa kepada beberapa pelajar, tetapi itu lebih menjurus untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dan kepentingan syarikat. Kurang ada komitmen untuk membantu pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan dalam meringankan beban kewangan.

Saban tahun kita lihat kerajaan terus dengan peruntukan yang lebih besar, tetapi sumbangan ikhlas dari pihak korporat sangat menyedihkan. Sistem Pendidikan Negara dari peringkat akar umbi hingga kepada melahirkan sarjana intelektual masa depan memerlukan perbelanjaan yang cukup besar. Dana Pendidikan Tinggi sekadar RM100 juta belum cukup merangsang ke arah itu.

Institusi pengajian khusus untuk melahirkan tokoh ilmuan, peringkat sarjana dan doktor falsafah seperti ISTAC mahupun institusi pengajian tinggi awam yang lain sering terjejas kerana kekurangan dana untuk meneruskan kajian. Di era pembangunan ekonomi yang tangkas ini, kita perlu melahirkan ilmuan atau intelektual yang bukan sahaja mampu memberikan pandangan baru dalam menentukan hala tuju dasar-dasar negara tetapi juga mereka yang mampu memberikan perimbangan yang sewajarnya dalam tuntutan urusan duniawi dan ukhrawi. Pengkorporatan IPTA dalam jangka waktu yang singkat ini belum tentu dapat merangsang ke arah itu. Pembabitan dan iltizam pihak swasta terus kita dambarkan agar proses islah atau reformasi bangsa tidak terbantut mahupun terpesong.

Mungkin pemangkin ke arah usaha sebegitu, penganugerahan subsidi cukai yang sesuai dan sewajarnya perlu diberikan kepada syarikat-syarikat yang ikhlas menderma atau menaja pengajian-pengajian peringkat tinggi ini dan pengajian-pengajian itu tidak semestinya dalam bidang sains dan teknologi sahaja. Ianya secara tidak langsung mengurangkan pengaliran keluar idea-idea bernas para intelektual tempatan akibat dari

tajaan universiti luar yang akan mempatenkan idea-idea tersebut untuk keuntungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, potongan cukai pendapatan sebanyak 50% ke atas pendapatan pensyarah asing bukan pemastautin di institut tempatan sangat dialu-alukan. Ini menunjukkan pengiktirafan dan penghormatan yang sewajarnya pihak kerajaan terhadap nilai ilmu yang dikuasai mereka. Walau bagaimanapun, kita merasa khuatir kerana pengecualian ini hanya diberikan kepada mereka yang mengajar bidang-bidang tertentu sahaja seperti sains, kejuruteraan, kemahiran teknikal serta teknologi maklumat. Ini menunjukkan seolah-olah akan berlaku peminggiran bidang-bidang ilmu yang lain seperti ilmu bahasa dan kemanusiaan. Kekhawatiran kita terhadap kesan pengkorporatan universiti belum reda kerana walaupun bidang-bidang tersebut kurang nilai komersialnya, tetapi bidang-bidang inilah yang akan menentukan frame mind, dengan izin atau hala tuju pemikiran ilmuan dan profesional kita di masa hadapan. Kita tidak seharusnya berbangga hanya kerana berjaya melahirkan ribuan saintis cemerlang atau tokoh profesional yang cekap tetapi nilai akhlak dan moral mereka rapuh.

Kesan-kesan ini nyata dapat dilihat pada konsep pembangunan ilmu di Barat di mana masyarakat intelektualnya sendiri masih terganggu-ngangau makna sebenar kehidupan dan pembangunan. Akibatnya yang terhasil adalah pembangunan yang merosakkan hubungan antara alam, manusia dan tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan dan kredibiliti sebenar pensyarah asing ini harus diberikan penelitian sebelum sebarang potongan cukai diberikan. Kita tidak mahu membazirkan wang kepada pensyarah asing buangan yang sudah tidak laku di negara sendiri. Sensitiviti dan peranan yang telah lama dimainkan oleh pensyarah tempatan

harus juga diambil kira kerana kita tidak mahu mereka merasa dianaktirikan di bumi sendiri. Jangan nanti kera di hutan disusukan, anak di pangkuan mati kelaparan. Kita tidak mahu fakta-fakta remeh sebegini akan mengecewakan mereka, menyebabkan mereka meninggalkan perkhidmatan di menara gading untuk meneroka bidang baru yang dikatakan lebih mengiktiraf ilmu yang mereka miliki.

Kita juga kluatir dengan nilai budaya yang turut dibawa oleh pensyarah asing akibat dari kebanjiran mereka secara mendadak. Kekeliruan dan ketidak fahaman tentang nilai budaya tempatan akan menimbulkan seakan satu konflik budaya dan nilai yang seterusnya akan disalurkan kepada anak-anak kita. Mungkin satu mekanisme pemilihan yang lebih jelas dan ketat di bawah pengawasan pihak Kementerian Pendidikan perlu diwujudkan bagi memastikan hanya yang benar-benar berwibawa sahaja yang dibawa masuk dan diberi keistimewaan ini.

Dalam menyentuh soal pendidikan juga, saya ingin sekali lagi menegaskan sepertimana yang pernah saya tegaskan dahulu bahawa pendidikan bukanlah satu bidang yang perlu dikomersialkan secara mutlak dan keterlaluan iaitu untuk memenuhi tuntutan pasaran kerja kerana nilai dan matlamat akhirnya bukan untuk menghasilkan barang dagangan tetapi untuk melahirkan insan dan warganegara baik yang mencintai dan mengamalkan budaya ilmu serta membantu dengan menggunakan ilmunya untuk membina kembali peradaban atau budaya nilai menurut acuan kita, jauh dari kehendak peradaban Barat yang semakin terhakis nilainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melahirkan sebuah masyarakat yang lebih berwibawa dan utuh, institusi keluarga harus terus dipertahan dan diperteguhkan. Kita harus menyedari hakikat bahawa institusi keluarga bukan hanya sebagai benteng pertahanan, moral dan tunjang keutuhan masyarakat tetapi ianya juga penting sebagai mekanisme terpenting dalam melahirkan generasi yang lebih gemilang.

Peruntukan sebanyak RM50 juta seharusnya digunakan sepenuhnya untuk membantu kerajaan menangani masalah sosial, dan bukannya untuk mengkritik kerajaan

secara membuta tuli. Dalam hal ini, pertimbangan antara penyuaran rasa beremosi dan kritikan positif yang membina sangat perlu. Tidak ada gunanya peruntukan ini sekiranya ianya tidak digunakan dengan secara bijak membangkitkan kesedaran dalam masyarakat dengan mengambil pertimbangan agama yang waras serta budaya tempatan, dan bukannya pertimbangan liberal Barat yang keliru.

Tuan Yang di-Pertua, program pembangunan belia dan wanita juga terus mendapat tempat di hati kerajaan. Belia sebagai pewaris pusaka negara harus mampu memanfaatkan peruntukan sebanyak RM60.2 juta itu untuk menggerakkan program-program mereka secara lebih bersepadu, keperluan untuk menyepadukan pemikiran dan usaha seluruh badan-badan untuk persatuan belia sangat mendesak hari ini ekoran dari pelbagai aliran dan pemahaman tentang peranan mereka. Dalam konteks ini, Kementerian Belia dan Sukan harus lebih tegas mengambil inisiatif ke arah itu. Jika tidak, pembaziran tenaga, sumber dan usaha akan terus berlaku, dan harapan kita untuk menanam kembali pengertian jati diri budaya dan mengangkat kembali moral generasi muda hari ini akan terkubur.

Permasalahan wanita juga terus mendapat tempat istimewa dalam perbahasan kita kali ini. Persoalan sebenar dalam soal ini ialah persoalan keadilan, peluang dan tuntutan hak yang sewajarnya. Oleh itu, langkah pihak kerajaan dalam memperuntukkan sejumlah besar ke arah pembangunan wanita amat dialu-alukan. Persoalan hak dan tuntutan keadilan tidak seharusnya dijadikan sebagai mangsa ketidakselarasan pentadbiran antara Mahkamah-mahkamah Syariah dan peruntukan Undang-undang Keluarga Islam di seluruh negara. Masalah ini harus segera ditangani kerana masa depan institusi

kekeluargaan negara secara tidak langsung bergantung kepada penyelarasan pentadbiran undang-undang yang berkaitan.

Poligami pada dasar dan tuntutan sebenar agama bukanlah sesuatu yang mendasari penindasan atau penafian hak wanita. Malahan, ianya adalah satu instrumen agama untuk menjaga dan menaikkan martabat wanita. Tidak pernah dalam sejarah peradaban manusia sebelum kedatangan Islam, martabat dan hak wanita begitu dititikberatkan. Sejarah perhambaaan wanita dalam peradaban terdahulu terlalu panjang dan pahit untuk diceritakan. Yang menjadi persoalan kita, wanita hari ini adalah bentuk pengamalan poligami itu sendiri, dan bukan soal poligami 'perse'.

Hari ini soal-soal penindasan wanita tentang hak-hak di dalam rumah tangga begitu ketara. Semua ini perlu diperkemaskan, terutama persoalan tuntutan hak nafkah isteri pertama dan anak-anak yang terbiar tanpa pembelaan bila bapa berkahwin lagi. Proses tuntutan nafkah yang begitu merumitkan dan kadang kala memalukan akibat ketidakseragaman pentadbiran menjadi satu bentuk bebanan baru kepada si penuntut nafkah. Ini semua memberikan imej negatif terhadap tuntutan agama dan sistem keadilan Islam itu sendiri. Kesemuanya permasalahan belia, wanita dan penghakisan nilai serta moral harus terus menjadi agenda penting negara dalam melahirkan umat yang lebih ampuh dan berwibawa. Jika tidak, jadilah kita sepertimana yang pernah ditegaskan oleh Sidatar Gautama Buddha, iaitu apabila sesuatu bangsa yang agung runtuh moralnya....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun. Hendak beri jalan?

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya tak cukup masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teruskan.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih. *[Ketawa]* Ganggu sekejap, lepas ini boleh bertanya. Jika tidak, jadilah kita sepertimana yang pernah ditegaskan oleh Sidatar Gautama Buddha, iaitu apabila sesuatu bangsa yang agung runtuh moralnya, maka keagungannya akan diambil alih oleh bangsa lain yang membina moralnya. Kedatangan Islam itu sendiri ialah untuk menyempurnakan tuntutan akhlak dan moral manusia sejagat. Ini harus menjadi asas pembangunan negara masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kesihatan dan sistem perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh juga telah ditegaskan dalam Belanjawan kita kali ini. Selain dari RM3.0 bilion diperuntukkan untuk membaiki taraf dan mutu perkhidmatan serta untuk melengkapkan peralatan di hospital kerajaan dan klinik desa serta pedalaman. Sebanyak RM52 juta juga diperuntukkan untuk program kesihatan warga tua. Apa yang ingin saya utarakan adalah harapan agar pihak kerajaan mengkaji semula Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan untuk merangkumi setiap golongan masyarakat. Tidak semestinya model dari negara Barat seperti di Britain diambil pakai secara total. Skim sebegini boleh dijuruskan lebih kepada keperluan rakyat tempatan yang tidak semuanya mewah, tetapi semuanya memerlukan penjagaan kesihatan yang sama. Skim sebegini sekurang-kurangnya menjamin keadilan dalam memperolehi perkhidmatan kesihatan untuk semua.

Dewasa ini, hospital-hospital swasta tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan, terutama sekali yang mendapat suntikan dana dari luar. Mereka menjanjikan perkhidmatan yang lebih baik dan cekap. Namun kadar bayaran yang dikenakan terlalu tinggi, melampau kemampuan golongan yang daif hatta berpendapatan sederhana sekalipun. Defisit dan caj yang dikenakan terlalu tinggi, walaupun untuk kes-kes

kecemasan, sehingga ada kes-kes di mana pesakit meninggal dunia akibat terlalu lambat menerima rawatan. Pihak hospital swasta terlalu mementingkan soal kos dan keuntungan sehingga meminggirkan soal kemanusiaan yang sepatutnya menjadi asas utama dalam perkhidmatan kesihatan.

Kita juga khuatir dengan berita pengaliran keluar tenaga-tenaga pakar di hospital-hospital kerajaan ke hospital-hospital swasta ini lantaran tawaran gaji yang lebih lumayan, ini akan secara tidak langsung mewujudkan seakan satu vacuum, kepakaran dalam perkhidmatan kesihatan di hospital kerajaan sendiri. Kos membayar gaji tenaga.....

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jerlun bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Bolehkah?

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya ada banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Bolehlah sedikit. Ini yang dikatakan prihatin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tumpang bertanya, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kadar doktor-doktor di hospital sekarang ini hospital kerajaan tidak mencukupi. Boleh dikatakan mungkin jika peruntukan untuk hospital itu kata 2,000 orang doktor, mungkin sekarang ini hanya ada 1,000 orang doktor sahaja di hospital. Jadi, bagaimana hendak menangani masalah rakyat di kampung-kampung dan juga di pekan yang kurang kemampuan, bersetuju?

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya sebenarnya kurang faham dengan soalan itu. Ya, boleh ulang?

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Terima kasih. Mungkin saya tak pandai menyampaikan. Jadi, yang saya maksudkan sekarang ini doktor di hospital kurang, tak cukup doktor. Bila tak cukup doktor, jadi bolehkah Yang Berhormat bersetuju walaupun perbelanjaan itu banyak, jika kerajaan tak beri tumpuan kepada bagaimana hendak memperbanyakkan lagi doktor-doktor di hospital kerajaan? Terima kasih.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Yang Berhormat, kerajaan perlu membanyakkan hospital swasta, ya. Tak mengapalah, Yang Berhormat. Saya sebenarnya kurang arif daripada apa Yang Berhormat ketengahkan. Tetapi tak mengapalah, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Menteri Kesihatan akan menjawab, kerana saya banyak lagi hendak sampaikan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga khuatir dengan berita pengaliran keluar tenaga-tenaga pakar di hospital-hospital kerajaan ke hospital swasta ini lantaran tawaran gaji yang lebih lumayan ini akan secara tidak langsung mewujudkan seakan suatu vacuum kepakaran dalam perkhidmatan kesihatan di hospital kerajaan sendiri. Kos membayar gaji tenaga pakar yang tinggi ini akan secara langsung dialihkan kepada para pesakit. Tidak semua rakyat mampu untuk membayar kos kesihatan yang semakin meningkat ini. Jadi, adalah wajar jika Skim Insurans Kesihatan sebegini difikirkan semula agar manfaatnya dapat dinikmati oleh semua. Sekurang-kurangnya satu mekanisme mengawal kos perkhidmatan kesihatan diwujudkan oleh pihak Kementerian Kesihatan sendiri bagi memastikan perkhidmatan kesihatan terbaik tidak hanya dinikmati oleh golongan eksklusif sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, isu perumahan awam, perumahan kos rendah dan sebagainya masih memerlukan pembelaan yang sewajarnya dari kerajaan. Peruntukan demi

peruntukan untuk dana perumahan kos rendah hanya akan dapat menyelesaikan masalah ini untuk jangka waktu yang pendek sahaja. Penekanan perlu terus dikenakan kepada para pemaju perumahan supaya pembinaan rumah kos rendah untuk rakyat tidak diabaikan.

Mungkin tindakan undang-undang yang lebih tegas diperlukan dan bukan lagi hanya menyenaraihitamkan mereka. Ini adalah kerana kita tidak mahu wujud satu golongan masyarakat tidak berumah (homeless society), dengan izin, seperti mana di Barat, sedangkan kita kini di saat ini menikmati kemakmuran yang melimpah ruah.

Soal-soal pembangunan fizikal dan infrastruktur, terutama projek-projek rasaksa seperti di Sepang dan di Bakun. Memang dilihat perlu bagi menyediakan Malaysia sebagai pusat pelaburan dan ekonomi yang terpenting di rantau Asia. Namun begitu kita perlu juga menitikberatkan soal-soal penjagaan alam sekitar supaya masih ada yang boleh diwariskan kepada generasi masa depan. Kedan-kesan pembangunan di Benua Amerika dan Eropah perlu dijadikan teladan supaya perkara yang sama tidak berulang di sini. Dalam soal ini saya teringat kata-kata seorang ketua kaum Red Indian di Amerika yang cukup untuk memberikan keinsafahan untuk semua *“only after the last trees have been cut down, only after the last river have been poisoned, only after the last seas have been caught, only then you will find that money cannot be eaten”*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Mentakab.

4.13 ptg.

Tuan Fu Ak Kiow [Mentakab]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberi untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan 1997 telah dirangka untuk memastikan pertumbuhan ekonomi berterusan tetapi pada kadar yang sederhana. Pendekatan ini adalah bijak dan pragmatik, supaya tekanan kekurangan tenaga manusia yang kian menjadi kritikal, masalah imbangan akaun semasa dan kekangan serta kemudahan infrastruktur yang dialami akibat pertumbuhan ekonomi yang pesat dapat dilegakan.

Strategi merancang pertumbuhan ekonomi pada satu tahap yang sustainable, dipercayai akan mengelakkan kemungkinan berlaku 'over heating' dalam ekonomi negara. Sebenarnya, selain dari Malaysia beberapa negara Asia Timur seperti Taiwan, Korea, China, Thailand, Singapura juga telah mengambil strategi yang sama. Ini adalah petanda baik supaya pertumbuhan ekonomi di rantau Asia Timur yang kini menjadi tunjang pertumbuhan ekonomi dunia akan terus berkembang dan mantap.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik pada kenyataan bahawa upah buruh telah meningkat dengan kadar 86% berbanding dengan kadar kenaikan produktiviti iaitu 3.3% pada tahun ini. Saya anggap perkembangan ini perlu dipandang dengan serius oleh semua pihak. Kenaikan upah buruh yang tidak di sokong dengan peningkatan produktiviti yang selaras akan menyebabkan kenaikan kos pengeluaran, melemahkan daya saing barangan Malaysia dan seterusnya menjejaskan eksport negara ke pasaran antarabangsa. Maka garis panduan mengenai reformasi gaji yang berasaskan produktiviti yang akan diperkenalkan adalah tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan akan diberi kepada peningkatan produktiviti, bukan semata-mata untuk memperbaiki daya saing sahaja, tetapi ianya juga selaras dengan strategi Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan memesatkan tranformasi ekonomi negara dari pertumbuhan yang bergantung pada pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti sektor keseluruhan. Usaha meningkatkan produktiviti merangkumi peningkatan kecekapan pengurusan, kemahiran bekerja, automasi, penggunaan teknologi maklumat dan lain-lain teknologi. Untuk tujuan tersebut, walaupun kerajaan telah menyediakan banyak program insentif dan galakkan untuk peningkatan produktiviti dan kualiti, tetapi yang dapat memastikan kejayaan pelaksanaannya ialah agensi yang berkaitan, khususnya pusat produktiviti negara - MPC, Sirim, MAMPU, Technology Development Park, MARDI dan sebagainya. Agensi-agensi tersebut perlu mengkaji semula rancangan mereka supaya usaha yang lebih berfokus, lebih teratur dan lebih bersepadu dapat disusun.

Saya juga ingin menyarankan supaya mereka mengambil tindakan proaktif dalam membantu pengusaha swasta dan individu dalam soal peningkatan produktiviti. Mereka perlu reach-out kepada kumpulan sasar, khususnya, industri kecil dan sederhana untuk meyakinkan mereka supaya sedia menerima perubahan, memperkenalkan pelbagai program yang sesuai, memberi bantuan dan galakkan kepada mereka untuk mencapai matlamat peningkatan produktiviti dan kualiti. Mereka juga perlu mengamalkan sikap Malaysian Incorporated. Memastikan supaya segala maklumat dan perkhidmatan adalah mudah diperolehi dan bahawa mereka sedia memberi segala bantuan dan pertolongan kepada pengusaha-pengusaha tempatan.

Sehubungan ini saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia yang baru-baru ini telah mengumumkan bahawa IKS dibenarkan memohon dua kali ganda jumlah wang yang dicarum kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia untuk membiayai program latihan meningkat kecekapan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan Ekonomi 1996 dan 1997, kadar inflasi adalah terkawal pada kadar purata 3.6% dalam tempoh bulan Januari hingga September tahun ini. Indeks harga pengguna menunjukkan bahawa harga makanan telah mencatat kadar kenaikan tertinggi, iaitu menyumbang 57% kepada keseluruhan kenaikan. Dalam kategori makanan IHP untuk ikan ialah 12.5% diikuti dengan beras, roti dan bijirin, dengan kadar 6.9%. Saya amat mengalu-alukan langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan bekalan makanan termasuk peruntukan yang lebih besar untuk pembangunan sektor pertanian, perikanan, penternakan dan tambahan tabung makanan kepada RM600 juta.

Dalam soal bekalan ikan, saya berasa amat aneh dan susah menerima hakikat bahawa Malaysia perlu mengimport ikan dari negara jiran. Negara kita mempunyai pengairan laut yang luas dan banyak sungai-sungai serta kawasan tanah lumpur yang sesuai untuk ternakan ikan dan aquakultur. Lantaran itu, di mana salahnya sehingga kita tidak sanggup membekalkan ikan yang mencukupi untuk penggunaan tempatan. Saya berharap Kementerian Pertanian, khususnya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dapat menjelaskan dengan lebih teliti rancangan jangka masa panjang untuk membangunkan industri penternakan ikan yang mempunyai potensi yang luas dan besar, sehingga kita menjadi pengeksport ikan dan barangan pemprosesan ikan. Misalnya, penternakan ikan sangkar di Sungai Pahang telah menunjukkan potensi dan boleh dibangunkan dengan

skala besar jika diberi perhatian dalam bentuk publisiti galakkan, bantuan teknikal, kewangan dan infrastruktur pasaran. Pada hemat saya, penternakan ikan sangkar bukan sahaja boleh berjaya di sungai-sungai, seperti Sungai Pahang, ianya boleh juga menjadi satu tarikan pelancong tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, isu perumahan merupakan salah satu agenda yang sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, setakat ini tiada satu penyelesaian yang penuh dapat dicapai dengan sepenuhnya untuk menangani masalah perumahan. Ia merupakan satu aspek yang berkait rapat dengan setiap warga negara. Hasrat kerajaan dalam konteks ini adalah mewujudkan syarikat ideal di mana dapat memastikan setiap keluarga mempunyai satu unit rumah kediaman.

Masalah kekurangan tempat kediaman kian mendesak, terutamanya di hadapi oleh masyarakat yang kurang berada. Ia lebih ketara di kawasan Lembah Kelang yang sekian lama dilanda masalah setinggan yang berjumlah melebihi 40,000 unit. Masalah ini menjadi lebih rumit dengan penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar seperti ibu kota mencari peluang pekerjaan yang lebih baik. Justeru itu, pengumuman menubuhkan syarikat perumahan negara dengan dana permulaan sebanyak RM1 bilion untuk tujuan membantu pemaju-pemaju membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana amat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari memperbanyakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana, apa yang sama penting ialah perlunya disediakan alam persekitaran yang sihat dan sesuai untuk didiami di kawasan perumahan kos rendah. Perlunya juga kerajaan memastikan projek perumahan kos rendah ini sama ada rumah

pangsa atau rumah teres melengkapkan tiga buah bilik tidur untuk keselesaan seisi keluarga. Projek-projek ini juga harus dibina di lokasi yang seusai dengan kemudahan asas dan kemudahan pengangkutan awam yang memadai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kini terdapat juga banyak kelemahan dalam kaedah pembahagian rumah kos rendah. Kerajaan harus mewujudkan sistem pembahagian yang lebih telus dan dapat menyekat kemungkinan berlakunya penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan oleh mana-mana pihak. Ini adalah untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar berkecukupan diberi peluang memperolehinya.

Salah satu cara yang boleh dipertimbangkan ialah mempamerkan senarai pemohon-pemohon yang telah diluluskan permohonannya untuk tatapan orang awam. Dalam pada ini, prioriti memperolehi rumah seharusnya diberikan kepada pemohon-pemohon tempatan yang benar-benar telah bermastautin di lokasi berkenaan.

Saya juga berpendapat, sebagai langkah yang praktikal, bilangan rumah kos sederhana perlu diperbanyakkan di bandar utama seperti di Kuala Lumpur. Alternatifnya ialah mengkaji kemungkinan ditambah harga-harga kos rendah di bandar-bandar utama untuk menggalak pembinaannya. Ini adalah berdasarkan fakta bahawa kos tanah yang lebih tinggi di kawasan-kawasan bandar utama.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya satu isu yang perlu diteliti oleh kerajaan ialah mengenai dasar dan garis panduan untuk membuka peluang pembelian kepada orang ramai unit-unit rumah yang telah dikhaskan untuk bumiputera setelah pemaju mengambil segala langkah untuk mengiklankan dan memasarkan rumah-rumah tersebut tetapi telah gagal.

Setakat ini, dasar dan garis panduan adalah berbeza diamalkan oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan masing-masing. Ada yang membukakan pe'reserve'an tersebut enam bulan selepas segala usaha telah dicuba oleh pemaju dan ada yang enggan membuat apa-apa keputusan, walaupun rumah telah disiapkan dengan CF selama setahun.

Apa yang merumitkan lagi keadaan ini ialah terdapat kerajaan negeri yang meminta nilai-nilai perbezaan di antara harga untuk bumiputera dan bukan bumiputera agar disumbangkan kepada kerajaan negeri. Saya berpendapat bahawa langkah ini jelas telah bercanggah dengan matlamat dan tujuan kerajaan yang asalnya untuk membantu bumiputera dalam perolehan rumah. Amalan ini juga tidak adil sebab segala kos tambahan tersebut akan diambil kira oleh pemaju dan dipindah kepada pembeli lain.

Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan agar satu penyeragaman dalam polisi berkenaan iaitu menetapkan enam bulan sebagai tempoh yang perlu diambil oleh pemaju-pemaju rumah dalam pengiklanan jualan rumah tersebut, sekiranya masih gagal mendapat pembeli bumiputera, bahawa peluang pembelian unit-unit tersebut patut dibuka kepada orang ramai. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kemaman.

4.25 ptg.

Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Belanjawan 1997 ini, saya akan menyentuh beberapa perkara penting mengenai pelaburan di Koridor Pantai Timur Semenanjung di antara kelembapan, kelemahan-kelemahan dan perkara yang harus diberi perhatian oleh kementerian-kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Terengganu semenjak industri petroleum dikomersialkan pada tahun 1978 telah berjaya berubah dari negeri pertanian kepada negeri perindustrian yang penting di negara kita. Sektor pertanian sekarang hanya menyumbang 8% kepada KDNK negeri. KDNK negeri Terengganu telah meningkat dari RM249.1 juta pada tahun 1970 kepada RM7,789.8 juta untuk tahun 1995. KDNK per kapita telah meningkat dari RM591 untuk tahun 1970 kepada RM8,808 pada tahun 1995.

Kemajuan ekonomi yang melanda negeri Terengganu semenjak hasil petroleum ditemui telah menyaksikan pembangunan di dalam pelbagai sektor seperti pengeluaran, pembinaan, perkhidmatan dan perdagangan. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, kebanyakan sektor telah menyaksikan pertumbuhan pada kadar dua digit.

Walau bagaimanapun, kemajuan ekonomi yang dicapai ini, masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kecapaian oleh negeri-negeri di pantai barat. Pelaburan dari luar negara merupakan faktor yang penting di dalam perindustrian negara. Oleh kerana ketidakseimbangan taburan industri di pantai timur dan barat dan negeri-negeri di pantai timur Semenanjung masih jauh ketinggalan dari kebanyakan sektor ekonomi, justeru itu kerajaan telah mewujudkan koridor kedua perindustrian negara dengan beberapa insentif yang tertentu.

Walau bagaimanapun, insentif-insentif ini belum dapat menarik pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk menempatkan industri mereka di sana. Kedatangan pelabur-pelabur di negeri Terengganu untuk meninjau kemungkinan menempatkan projek-projek mereka terhad kepada pelabur-pelabur yang terlibat dalam projek berasaskan petro kimia, kimia dan besi waja sahaja. Pelabur-pelabur dalam sektor lain, seperti elektrik,

elektronik, tekstil, automatif, pharmaceutical, pemprosesan makanan dan lain-lain kurang menunjukkan minat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa menjawab soalan saya di Dewan yang mulia ini pada 17hb. Julai yang lalu, beliau menyatakan jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 1995 di negeri pantai timur Semenanjung hanya RM414.6 juta berbanding dengan kelulusan di negeri pantai barat iaitu RM6.56 bilion iaitu hanya 4.5% di pantai timur berbanding 71.8% di pantai barat.

Di antara sebab-sebab yang disebutkan oleh Menteri ialah masalah pekerja, pengangkutan, kepakaran teknikal, bekalan letrik dan bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Terengganu, bekalan kuasa letrik dan air tidak merupakan masalah yang besar kerana bekalan yang ada adalah mencukupi dan pengagihan ke kawasan perindustrian dapat disempurnakan. Manakala masalah pekerja buat masa ini, keadaannya adalah lebih meruncing di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung. Oleh itu, ketiga-tiga alasan itu tidak boleh diterima dan bagi pandangan saya hanya dua sebab utama yang menyebabkan kelembapan kemasukan pelabur-pelabur ke negeri pantai timur Semenanjung iaitu sistem prasarana yang tidak lengkap.

Kedua, dasar dan polisi insentif yang tidak jelas. Kelembapan kemasukan pelabur-pelabur ke negeri-negeri pantai timur ada kaitannya dengan dasar dan fungsi kerajaan di dalam Pelan Induk Perindustrian Negara. Pelan induk ini memberi penekanan dan tumpuan pembangunan perindustrian di pantai barat yang dikenali sebagai 'industrial main corridor', sementara pantai timur sebagai 'second corridor'. Pelabur-pelabur yang

ingin melabur di Malaysia masih memberi keutamaan memilih penempatan kilang-kilang di negeri-negeri pantai barat walaupun keadaan telah menjadi padat.

Tuan Yang di-Pertua, faktor kedua yang saya katakan tadi ialah sistem infrastruktur yang tidak lengkap dan tidak cekap. Lokasi negeri Terengganu yang jauh dari pasaran, laluan perkapalan serta kekurangan sokongan kemudahan asas yang cukup mengakibatkan kos pengeluaran dan penghantaran menjadi tinggi. Kekurangan kemudahan sistem pengangkutan yang baik terutama sistem pengangkutan darat yang cekap dan lapangan terbang serta pelabuhan yang lengkap adalah sangat ketara di negeri Terengganu.

Memandangkan jaraknya yang jauh dari terminal import/eksport di Pulau Pinang, Kelang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru, jarak di antara Kuala Terengganu dan Pelabuhan Kelang mengambil masa lebih kurang 12 jam perjalanan darat. Pelabuhan Kemaman serta Lapangan Terbang Kuala Terengganu serta Kerteh tidak mampu menyelesaikan masalah kebanyakan pelabur-pelabur ini, kerana kemudahan komersial seperti gudang penyimpanan, perkhidmatan kontena dan lain-lain. Lebuhraya pantai timur yang dicadangkan sekarang sudah tentulah akan dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah ini. Tetapi malangnya, kelewatan pembinaan sudah melebihi empat tahun dari tarikh perancangannya. Kelewatan ini sudah beberapa kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Kita berharap Kementerian Kerja Raya dapat menangani masalah-masalah ini secepat mungkin dan sekali lagi saya ingin penjelasan daripada kementerian tentang laluan ataupun 'alignment' yang telah dipersetujui di antara Kuantan ke Kuala Terengganu. Kerana kita tahu, Kerajaan Negeri Terengganu mencadangkan tiga laluan

untuk dipilih iaitu sama ada laluan di persisiran pantai atau laluan Lebuhraya Jabur atau laluan pertengahan di antara kedua-dua laluan ini. Saya bangkitkan perkara ini kerana pihak majlis tempatan dan pejabat daerah ingin kepastian ini untuk perancangan pembangunan di kawasan yang terlibat dengan seberapa segera. Jadi, saya berharap Kementerian akan dapat memberi jawapan yang terperinci bagi laluan Kuantan ke Kuala Terengganu ini.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Terengganu menerima perkhidmatan dari dua buah lapangan terbang iaitu Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu yang mengendalikan penerbangan domestik dengan Boeing 737 dan pesawat ringan. Ia menyediakan sehingga 7 penerbangan berjadual setiap hari. Kedua, Lapangan Terbang Kerteh yang mengendalikan 3 penerbangan berjadual dengan pesawat Forker 50 dan digunakan untuk pengangkutan bagi memenuhi keperluan industri petroleum di luar pantai Terengganu.

Kedua-dua lapangan terbang ini tidak mempunyai kemudahan kargo yang mana ianya amatlah diperlukan untuk industri elektronik dan industri berteknologi tinggi yang lain.

Di dalam Rancangan Malaysia Ke-7, Kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM33 juta untuk pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Kuala Terengganu. Dalam perancangan untuk membesarkan lapangan terbang ini, Kementerian perlulah mengambil kira tentang cadangan untuk menjadikan lapangan terbang ini sebagai sebuah lapangan terbang antarabangsa yang boleh menampung pesawat-pesawat yang lebih besar. Lapangan terbang ini juga seharusnya dilengkapi dengan kemudahan pengendalian kargo bagi keperluan industri. Landasan mestilah dipanjangkan. Bangunan

terminal yang baru dan moden mestilah juga dibina dengan mengambil kira Kuala Terengganu akan menjadi pintu masuk kepada pelabur-pelabur luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat tiga buah pelabuhan di Pantai Timur iaitu Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kemaman dan Terminal Marin Petronas di Kertih, Kemaman. Pelabuhan Kemaman adalah merupakan sebuah pelabuhan laut dalam dan mampu mengendalikan kapal sehingga seberat 150,000 dw. tan. Ia mempunyai sebuah dermaga kargo am dan sebuah dermaga khas untuk memberi perkhidmatan kepada operasi carigali petroleum.

Baru-baru ini, kementerian telah meluluskan pembinaan sebuah dermaga kimia cecair yang mampu menampung kapal seberat sehingga 45,000 dw. tan dan dijangka pada tahun 1999. Walaupun dengan tamabahan kemudahan ini, keberkesanan Pelabuhan Kemaman masih lagi disangsikan oleh kebanyakan pelabur kerana ketiadaan kemudahan yang ketara umpamanya ketiadaan gudang penyimpanan, ketiadaan perkhidmatan kontena serta saiz pelabuhan yang menyukarkan untuk terus berkembang bagi menampung pertumbuhan permintaan pelabur-pelabur.

Mengikut hasil kajian semakan semula ramalan kargo yang dibuat oleh Pasukan Pengkaji dan Pelabuhan Roterdham, Pelabuhan Kemaman dijangka akan mengendalikan sejumlah 2,952 tan kargo pada tahun 1995 dan 5,795 juta tan kargo pada tahun 2000. Dengan potensi kawasan perindustrian Telok Kalong yang akan dibangunkan seluas 10,000 ekar lagi, keupayaan Pelabuhan Kemaman hanya terhad setakat menampung operasi kilang-kilang yang terdapat di kawasan perindustrian yang berkenaan sahaja. Memandangkan kawasan Dungun dan Kemaman ini sedang pesat membangun dan lebih banyak kilang-kilang baru akan didirikan menjelang tahun 2000 dan kawasan pantai timur

tidak mempunyai jalan keretapi, menjadikan pengangkutan laut sebagai mood pengangkutan yang paling ekonomik dan selamat.

Apatah lagi, bahan-bahan yang perlu diangkut tersebut merupakan produk petrokimia yang merbahaya. Di antara pelabur-pelabur yang mengutarakan persoalan, pelabuhan sebagai isu utama ialah seperti Union Carbide Chemical, Hijaz Refinery, BSFS, Fomalco Rose dan lain-lain. Yang mana setiap satu merupakan pelaburan bernilai beribu juta ringgit.

Justeru itu, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pengangkutan supaya mengkaji sedalam-dalamnya akan keberkesanan pelabuhan yang ada di Pantai Timur dan meningkatkan kecekapan Pelabuhan Kemaman dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan koridor Paka, Kerteh, Chukai dan Kuantan, (PKCK) telah dikenal pasti sebagai koridor petrokimia oleh Petronas, rancangan perancangan jangka panjang mestilah disediakan bagi menampung pertumbuhan kilang-kilang dalam sektor tersebut. Kilang-kilang petrokimia ini akan menghasilkan produk yang merbahaya dan menimbulkan risiko jika diangkut dengan mode pengangkutan darat yang biasa. Pemindahan produk melalui paip adalah tidak ekonomikal memandangkan terdapat banyak jenis produk yang berlainan serta jarak yang jauh di antara kilang dengan jeti ataupun kilang dengan kilang-kilang yang lain. Sekiranya projek Union Carbide Chemical dan Petronas beroperasi di Paka nanti, lebih kurang 300 buah lori tangki akan bergerak dari Paka ke Pelabuhan Kemaman setiap hari. Ini tidak termasuk pergerakan kenderaan dari GPP 5 dan 6 kilang PVC/VCM, kilang aeromathic serta perkhidmatan sokongan yang akan tumbuh daripada industri petrokimia nanti.

Buat masa ini, produk-produk petroleum diangkut dengan lori tangki menggunakan jalan raya persekutuan. Umumnya mengetahui bahawa laluan di antara Dungun dan Kuantan adalah merupakan satu laluan yang sibuk dan telah mengalami pertumbuhan penggunaan pengangkutan yang tinggi.

Justru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong saranan Kerajaan Negeri Terengganu dan Petronas supaya pihak kementerian ataupun EPU mengkaji supaya sebuah jalan keretapi dibina untuk menghubungkan Paka ke Kuantan melalui Pelabuhan Kemaman bagi pengangkutan produk-produk petrokimia ini, ianya sekaligus mengurangkan kadar risiko penggunaan jalan raya lain dan penempatan sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, dalam 5 tahun yang datang ini iaitu tahun 1996 hingga 2001 beberapa projek petro-kimia telah dikenal pasti akan dijalankan di kawasan Paka dan Kerteh, antaranya Projek Petrokimia Bersepadu Paka, Projek PVC/VCM, Projek Aeromahtic-Steering Menuma, Perkampungan Industri Plastik Dungun, Hijaz Refinery dan Projek GPP 5 dan 6.

Semasa kemuncak pembinaan projek-projek ini dianggarkan seramai 20,000 tenaga pekerja yang akan terlibat dengan kerja-kerja yang berkaitan. Sekitar tahun 2000 nanti penduduk di kawasan Paka, Kerteh dan Kemasek dijangka meningkat lebih kurang dua kali ganda daripada jumlah yang ada sekarang. Ketiga-tiga tempat yang berkenaan sekarang mendapat perkhidmatan perubatan dari pusat kesihatan setempat dan Hospital Daerah Kemaman dan Dungun yang masih serba kekurangan dari segi peralatan yang lebih baik mahupun doktor-doktor pakar.

Memandangkan dengan perkembangan penduduk sebagaimana yang saya sebutkan tadi sudah tentulah pelabur-pelabur dan syarikat gergasi ini mengharapkan

perkhidmatan perubatan yang cekap dan cepat sekiranya berlaku mala-petaka di tempat kerja. Oleh itu, saya menyarankan kepada Kementerian Kesihatan supaya membina sebuah hospital di kawasan Kerteh atau Paka, begitu juga untuk Hospital Daerah Kemaman.

Saya ingin mengulangi harapan penduduk Kemaman supaya pihak kementerian mempercepatkan penempatan pakar-pakar perubatan dan sudah sampai masanya hospital ini diganti dengan hospital yang baru yang serba lengkap selaras dengan perkembangan daerah Kemaman sekarang yang berkembang sebagai pusat petrokimia negara.

Tuan Yang di-Pertua, itulah di antara perkara-perkara yang penting, yang harus diambil kira oleh Kementerian Kewangan atau EPU dan juga kementerian-kementerian lain seperti MITI, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kesihatan agar perkara-perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya, yang boleh membantu untuk menjadikan koridor timur sebagai kawasan industri yang berjaya dan sebagai elemen penting di dalam perindustrian negara untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Walaupun koridor timur ini baru diperkenalkan lebih kurang 2 yang lepas dan masih di peringkat awal untuk dibuat penilaian sepenuhnya, tetapi beberapa halangan dan masalah yang dikenal pasti dan sebahagiannya telah saya sebutkan tadi, diharap tindakan pembetulannya akan diambil dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menubuhkan Syarikat Perumahan Negara dengan dana permulaan sebanyak RM1 bilion. Penubuhan ini menunjukkan dengan jelas komitmen kerajaan untuk menyelesaikan masalah rumah kos rendah di kalangan golongan berpendapatan rendah.

Kita berharap syarikat ini akan diuruskan dengan sebaik mungkin dan akan memaparkan satu syarikat pengkorporatan Malaysia yang mampu mengatasi masalah dan kelemahan yang ada sekarang. Orang-orang yang bakal mengurus syarikat ini haruslah terdiri daripada orang-orang yang mahir di dalam sektor ini seperti arkitek, pemaju-pemaju atau mereka yang pakar di dalam rumah kos rendah yang telah menunjukkan kejayaan di dalam industri ini. Kita tidak mahu orang yang dipilih nanti mengambil kesempatan untuk keuntungan peribadi atau 'musang berbulu ayam'. Syarikat ini hendaklah bukannya setakat sebagai syarikat untuk membina rumah, tetapi harus memastikan segala urusan pembinaan rumah dikawal, hak bumiputera harus dijaga, pendaftaran dan senarai orang yang memerlukan rumah mestilah dikemaskinikan. Lokasi semasa membina rumah mestilah bersesuaian kerana telah banyak projek yang menghadapi masalah kerana lokasi yang tidak sesuai.

Konsep perumahan harus diberi perhatian, bersesuaian dengan budaya rakyat Malaysia, jenis rumah, model-model yang sesuai, bilangan bilik haruslah mencukupi kerana kita tahu kebanyakan kita membeli rumah hanya sekali sahaja dalam seumur hidup. Jadi, mereka ini akan berkeluarga beranak-pinak, biliknya mestilah tidak kurang daripada tiga supaya menjamin keselesaan pembeli-pembeli.

Penubuhan Syarikat Perumahan Negara ini juga diharap dapat mengurangkan karenah birokrasi atau *red tape* yang menyebabkan kelewatan pembinaan rumah-rumah murah ini terutama melibatkan negeri-negeri yang tertentu. Kemampuan mendapatkan kelulusan secepat mungkin dapat mengurangkan masa menunggu pemohon-pemohon, sekaligus mengurangkan kesengsaraan rakyat yang berpendapatan rendah.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat

Dr. Ramli bin Taib: Ada juga yang hendak kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jerlun bangun, tetapi nampaknya masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya bahawa pengwujudan satu badan yang akan dilancarkan oleh kerajaan iaitu Syarikat Perumahan Negara ini fungsinya akan tertumpu kepada pembinaan rumah kos rendah sahaja. Jangan pula bila agensi ini wujud pegawai-pegawai ini dia hendak buat pula rumah kos sederhana, rumah yang mewah, kemudian hendak beri agensi ini untung? Akhirnya, pencapaian hendak beri rumah murah ini kepada rakyat tidak tercapai, Yang Berhormat bersetuju pendapat saya begitu?

Dr. Ramli bin Taib: Memang saya setuju, Yang Berhormat. Saya katakan tadi, pengurus-pengurus yang akan mengendalikan syarikat ini mestilah orang-orang yang pakar dan kita berharap supaya rumah-rumah yang akan dibina ini ialah merupakan rumah-rumah kos rendah sahaja dan saya berharap kepada kementerian supaya orang-orang yang menjaga syarikat ini merupakan orang-orang yang betul-betul boleh dipercayai.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berapa banyakkah unit rumah murah yang telah dibina di negeri Terengganu? Dan mengikut kajian kementerian berapa banyakkah keperluan yang ada di seluruh negeri Terengganu dan kalau boleh berapa peratuskah keperluan ini diisi ataupun yang telah dibina? Apakah masalah-masalah yang dihadapi di dalam pembinaan rumah murah ini dan saya ingin penjelasan juga berapa

banyakkah rumah kos rendah yang akan dibina dan mengapakah projek-projek ini masih belum dijalankan sehingga hari ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Dr. Ramli bin Taib: Saya hendak gulung, Tuan Yang di-Pertua.

Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana memberi perhatian yang serius terhadap pembinaan rumah kos rendah dan sederhana ini dan meletakkannya sebagai agenda sosial yang mendedak dan berharap ianya terus diberi keutamaan di masa akan datang.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong.

4.48 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1997 mempunyai beberapa ciri ke arah yang betul seperti peruntukan RM13.2 bilion untuk pendidikan dan latihan gunatenaga, RM5.1 bilion untuk infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan insentif-insentif cukai untuk rangkaian industri, industri sederhana dan kecil juga insentif-insentif untuk multimedia super corridor. Tetapi terdapat beberapa kelemahan semacam pelaksanaan dasar memelihara alam sekitar, International Procurement Centre (IPC) dan pencegahan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak tahu bagaimana International Procurement Centre (IPC) akan dilaksanakan dan pada konsepnya itu satu cadangan yang baik dan kerana kita tidak ada pengalaman, tidak dapat menyaksikan prestasinya, cuma kita dapat menunggu apa yang akan dibuat oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun,

pengalaman untuk Operational Headquarters (OHQ) dengan insentif-insentif yang diadakan seperti pengecualian cukai dan sebagainya sama dengan negara seperti negara Singapura. Tetapi setahu saya di negara ini OHQnya kita hanya memperolehi, tidak silap, saya lebih 20 buah syarikat multinasional sahaja untuk bertapak di sini.

Tapi di Singapura saya dengar ada lebih 100. Ini bermakna kita mesti mengkaji dan Yang Berhormat dari Padang Terap mesti mengkaji OHQ, mengapa kita tidak dapat bertanding dengan negara-negara jiran kita? Ini memang Yang Berhormat dari Padang Terap mesti tolong Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana dia sibuk.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mengkaji mengapa kita lemah di dalam usaha untuk menarik syarikat-syarikat asing untuk bertapak di Kuala Lumpur dan di tempat-tempat yang lain di negara ini, walaupun terma-terma itu sama sahaja dengan pihak Singapura. Ini bermakna mungkinlah kita ada kelemahan yang lain. Sekarang kalau kita tengok prasarana infrastruktur pun tidak begitu lemah sangat walaupun ada tekanan-tekanan sedikit tapi lebih baik daripada tahun-tahun yang lampau. Mengapa kita tidak dapat menarik, sebab itulah saya mencadangkan kita mengkaji OHQ supaya International Procurement Centre pun kita tidak akan mengalami masalah yang serupa. Tuan Yang di-Pertua

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya diberi setengah jam, tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat. Masa dah tetap 20 minit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Susahlah. Hendak tolong Yang Amat Berhormat ke atau pun nak bagi sumbangan yang bernas.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan, teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Kepong. Adakah Kepong sedar bahawa salah satu perkara yang menyebabkan OHQ ini kurang datang atau baru-baru ini baru nak datang kemari oleh kerana DAP sendiri. Dasar dia membawa isu tak tentu, yang menakutkan mereka datang ke mari. Kalaulah DAP sendiri buat kenyataan yang menjemput dia datang, dan sokong apa yang diusahakan oleh kerajaan, tidaklah keadaan kita yang begini saya lihat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia mungkin lah Ahli Yang Berhormat Rompin ini, dia sangat sibuk dengan syarikat dia sendiri, sehingga dia tidak tahulah. Kita kata, konsep IPC itu baik juga dan OHQ itu dia dah salah makna tapi kerana itu walaupun terma-terma yang serupa dengan Singapura tetapi kita kalah dalam masalah ini. Ini masalah yang tidak fahami oleh pihak Yang Berhormat Rompin.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun RM189 juta telah diperuntukan bagi agensi.....

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak cukup masa. Kalau ada cadangan yang baik

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Orang baru, orang baru ini.....

Dr. Tan Seng Giaw: Baru pun ada cadangan untuk memperbaiki OHQ, saya bagi atau pun IPC, itu masalah yang dibangkitkan. Adakah cadangan untuk memperbaiki IPC. Macam mana kita laksanakan.....

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Ya, ya cadangan baru..... *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Cadangan baru, kalau tidak..... *[Ketawa]*

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Amboi! Bagus sungguh wakil rakyat Kepong. Saya nak tanya Yang Berhormat lah, satu daripada kenapa yang orang yang tidak mahu datang ini kerana isu yang dibawa oleh DAP di luar negeri memburuk-burukkan negara, ini sebabnya orang takut. Kalau DAP ini bersama-sama dengan kerajaan orang mesti datang punya. DAP bercakap di sini macam ini, di luar dia cakap macam ini. Bersetuju tidak Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beri nasihat supaya memberi cadangan yang lebih bernas dari yang di sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun RM149 juta telah diperuntukan bagi agensi dadah kebangsaan yang baru sahaja ditubuhkan, usaha untuk membasmi pengedaran dan penagihan dadah adalah tidak berkesan. Negara ini memperolehi kira 200,000 orang penagih yang dianggarkan membelanjakan sebanyak RM3.2 juta sehari untuk membeli 9.6 kilogram dadah. Pada akhir tahun ini, mereka akan menggunakan sebanyak 4.6 tan metrik dadah bernilai RM1.5 bilion setahun. Bilangan penagih yang sebenarnya mungkin sampai ke 400,000 orang. Besar kemungkinan mereka menggunakan lebih daripada 5 tan metrik dadah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kini setiap bulan wujudnya lebih 1,000 penagih baru termasuk di Felda dan Felcra dan sebagainya dan termasuk juga kakitangan kerajaan dan polis. Polis pun dia nak jadi penagih juga. Ini masalah sekarang dan Padang Terap tidak begitu prihatin mengenai masalah ini. Daripada jumlah penagih tersebut lebih kurang 10

peratus dimasukkan ke dalam pusat-pusat serenti, hanya terdapat 35 peratus sahaja bekas penagih yang pulih sepenuhnya dapat dikesan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggarkan bahawa 70 peratus daripada bekas penagih akan kembali kepenagihan, kira-kira 70 peratus penagih adalah terdiri daripada buruh atau pun penganggur. Tuan Yang di-Pertua, sebahagian penagih mengidap penyakit AIDS atau membawa virus HIV. Kebanyakan pesakit AIDS dan pembawa virus HIV di Malaysia adalah terdiri daripada penagih dadah. Meski pun kita berikhtiar masalah penagihan bertambah buruk.

Pencegahan pembekalan dadah adalah sukar kerana wang yang terbabit adalah berpuluh-puluh bilion ringgit dan itulah merupakan satu kelemahan manusia yang besar. Bekalan dadah di pasaran tempatan adalah berasal daripada kawasan segi tiga emas iaitu Myanmar (Burma), Laos dan Thailand.

Menurut sumber kerajaan Amerika Syarikat, U.S Department of State, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1995 Myanmar, Afghanistan, Laos dan Pakistan masing-masing mengeluarkan sebanyak 2,300, 1,250, 200 dan 150 tan masing-masing candu mentah. Pada tahun 1996, Myanmar dianggar mengeluarkan 2,560 tan metrik candu. Candu dari Myanmar adalah diproses di makmal-makmal di sempadan Thailand. Pada tahun 1995, heroin yang diproses dari Myanmar, Laos dan Thailand adalah masing-masing 195, 15 dan 2 tan metrik.

Ini jelas menunjukkan bahawa Myanmar merupakan negara yang utama yang membekalkan dadah, kira-kira 60 peratus bekalan dunia dan bekalan di Malaysia datang hampir semualah dari Burma. Inilah masalah sekarang, Myanmar telah memohon untuk menjadi anggota ASEAN pada tahun depan Julai, 1997. Terdapat beberapa isu utama

seumpama hak-hak demokrasi dan dadah yang belum diselesaikan. Hak-hak demokrasi pemenang Hadiah Nobel Aung San Suu Kyi telah dicabuli. Ketika negara kita menghadapi masalah pengedaran dan penagihan dadah yang semakin hari semakin menjadi serius, saya menyeru supaya kerajaan mengadakan terma-terma atau syarat-syarat yang ketat ke atas Myanmar.

Negara itu terpaksa mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menghapuskan tanaman dadah di kawasannya. Sekiranya Myanmar tidak dapat memberhentikan bekalan dadah ke Malaysia atau ke dunia, permohonan untuk menjadi anggota ASEAN perlu ditangguhkan.

Saya berharap, Yang Amat Berhormat dan juga Yang Berhormat dari Padang Terap dapat sokong cadangan saya. Kita hentikan permohonan itu dulu sampai mereka hapuskan tanaman dan bekalan candu atau heroin. Yang Berhormat dari Rompin pun mesti prihatin kepada masalah yang serius ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan bahawa sistem pendaftaran terbuka berkomputer telah diadakan untuk memastikan rumah kos rendah diperolehi oleh golongan pendapatan layak. Kami berharap sistem ini adalah berkesan. Dalam tiga tahun kebelakangan ini, tiga tabung khas telah ditubuhkan iaitu Tabung Perumahan Untuk Termiskin, tabung untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah dan Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah.

Untuk tahun ini RM1 bilion telah diperuntukan bagi Syarikat Perumahan Kebangsaan. Jumlah peruntukan bagi tiga tabung dan syarikat tersebut adalah RM4.4 bilion. Ini merupakan satu jumlah yang besar akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, sektor awam hanya dapat membina tidak sampai

37 peratus matlamat yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam walhal sektor swasta mencapai tahap lebih 90 peratus. Ini bermakna jentera dan prestasi kerajaan di dalam membina rumah kos rendah adalah sangat lemah.

Punca-punca dan sebab-sebab kelemahan itu mesti dikenal pasti dan dihapuskan sama sekali. Saya berharap kerajaan dapat mencegah segala penyelewengan seperti pemberian kuota rumah kos rendah kepada sesetengah ahli politik. Ini pernah dilakukan dan saya berharap penyelewengan seumpama ini dapat dihapuskan sama sekali. Seterusnya, kerajaan hendaklah mempertingkatkan usaha untuk mencapai matlamat pembinaan rumah kos rendah dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, kami setuju dengan hasrat untuk menjadikan kualiti pendidikan Malaysia bertaraf dunia. Itu satu matlamat dan tujuan yang baik. Salah satu usaha ke arah ini ialah mengadakan Laporan Jawatankuasa Khas Pendidikan yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Dato' Wira Abdul Rahman. Laporan Jawatankuasa tersebut telah selesai sekarang dan dibentangkan kepada Menteri Pendidikan. Saya berharap laporan tersebut dapat diumumkan dan dikaji oleh orang awam, terutamanya oleh pihak pendidik.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara dan langkah yang telah diambil, termasuk penilaian untuk murid-murid yang pintar di sekolah. Tahun ini, ada lebih 400,000 murid menyertai peperiksaan Penilaian Tahap Satu. Kemudian, daripada lebih 400,000 murid ini, hanya tidak sampai 3,600 orang dipilih untuk melompat dari Tahun 3 ke Tahun 5 sekolah rendah. Ini sudah mewujudkan kontroversi. Mungkin ada setengah-setengah guru tidak faham apakah yang diertikan dengan Penilaian Tahap Satu.

Saya diberitahu bahawa di setengah-setengah tempat, terutama di sekolah-sekolah di kawasan pedalaman, pihak guru menggalakkan murid-murid untuk menyertai peperiksaan penilaian ini dengan membekalkan banyak alatulis seperti pensil percuma dan sebagainya untuk menggalakkan murid-murid sekolah seolah-olah mereka ini semuanya layak sebagai murid yang pintar. Ada juga pihak ibu bapa tidak begitu faham mengenai konsep ini.

Saya berpendapat bahawa, besar kemungkinan pihak Kementerian Pendidikan tidak mempertimbangkan perkara ini dengan semasak-masaknya sehingga timbul kontroversi. Saya mencadangkan supaya kita ubah cara untuk menilai murid-murid yang pintar. Salah satu caranya ialah membuat penilaian harian daripada guru-guru di seluruh negara untuk mengenal pasti murid-murid yang pintar. Jangan kita adakan penilaian secara umum begitu sehingga ibu bapa dan guru-guru sendiri tidak mengerti apakah matlamat kita untuk mengadakan penilaian seumpama itu. Begitu juga dengan langkah-langkah yang lain juga.

Pada keseluruhannya, semua kursus yang sedang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan akan dipendekkan tempohnya dari 4 tahun kepada 3 tahun, melainkan kursus-kursus perubatan, pergigian dan farmasi yang akan dikekalkan seperti sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan memendekkan kursus-kursus tersebut mestilah dibuat dengan secara perlahan-lahan dan berkesan kerana bukan begitu mudah untuk mengadakan pensyarah-pensyarah ataupun profesor-profesor yang berkaliber.

Sekarang di IPT kita kekurangan lebih 1,000 pensyarah dan profesor. Kemudahan-kemudahan yang ada juga tidak cukup. Kalau satu kelas kuliah boleh

menampung 50 orang, sekarang kita tambah dengan serta merta lebih 100 orang, sementara bilangan pensyarah yang berkaliber serta kemudahan-kemudahan juga tidak bertambah. Bagaimana kita boleh mengelakkan daripada mengkompromikan dari segi kualitinya? Itu mustahil.

Sebab itu, walaupun kita ada dasar untuk menambahkan bilangan orang Malaysia yang berpendidikan tinggi yang dapat masuk IPT, saya setuju dengan konsep itu, tetapi pelaksanaannya mestilah berdasarkan kepada langkah-langkah yang lebih wajar supaya dalam 5, 10 atau 20 tahun akan datang, kita jangan hanya wujudkan bilangan graduan yang berkualiti rendah.

Kerana kita boleh lihat di Mc Gill pun timbul masalah seperti ini. Yang Berhormat dari Rompin, dia graduan dari Mc Gill University, sebuah universiti yang baik. Tetapi kalau kita tergopoh-gapah untuk mengeluarkan bilangan graduan yang lebih tanpa mengira kualiti, maka wujudlah masalah seperti Yang Berhormat dari Rompin! *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada masa, macam mana boleh bangun?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Yang Berhormat dari Kepong. Dia baik. Yang Berhormat dari Jelutong begitu juga. Saya minta penjelasan sedikit. Kita semua akur bahawa kualiti itu penting dalam bidang akademik. Tetapi Yang Berhormat dari Kepong sedia maklum, di luar negara pun untuk mendapatkan Ijazah, ada yang hanya mengambil masa 3 tahun, bukan 4 tahun. Maknanya, tidak semestinya kalau kita kurangkan daripada 4 tahun kepada 3 tahun, ini ada implikasinya kepada kualiti seandainya kita ada pakar-pakar dan pensyarah yang baik

dan bermutu tinggi. Kalau ini menjadi caranya, saya rasa Yang Berhormat dari Kepong tidak perlu bimbang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan seperti kita menguruskan syarikat Yang Berhormat dari Rompin. Ini kita hendak mendidik pelajar-pelajar yang berkaliber. Kerana di syarikatnya, kalau dia nampak kakitangan tidak cekap, dia boleh pecat dengan begitu sahaja. Tetapi di dalam universiti, kita hendak wujudkan kerana pada tahun 2000, enrolment untuk universiti ini tidak akan ditingkatkan kepada lebih 20,000. Sekarang ini lebih 10,000 sahaja tiap-tiap tahun.

Dan satu kali ganda di dalam empat tahun sahaja. Itu untuk sembilan universiti tempatan dan semua Ahli Yang Berhormat ini, saya percaya hendak menyaksikan dengan enrolment 20,000 orang pelajar di sembilan atau sepuluh universiti tempatan ini, semua graduan itu akan mencapai tahap dunia - world class, bertaraf dunia. Itulah matlamat kami dan hasrat kami semua dan untuk mencapai tahap yang begitu tinggi ini bermakna cara-cara yang lebih berkesan hendaklah dicari oleh pihak Kementerian Pendidikan. Tadi saya sebutkan usaha untuk mendidik dan melatih lebih banyak orang-orang yang terlatih di negara ini dengan memperuntukan RM13.2 bilion itu adalah satu peruntukan ke arah yang betul. Itu tidak salah, daripada hampir RM59 bilion jumlah Belanjawannya, ini satu amaun yang besar. Saya berharap tahun depan pun kita boleh teruskan dengan peruntukan seumpama ini. Walau bagaimanapun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Tan Seng Giaw: Hendak gulung dah, memang saya hendak gulung dah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebutkan beberapa perkara termasuk IPC, OHQ yang di dalam usaha kita untuk menarik syarikat-syarikat asing itu kita tidak boleh tanding dengan negara-negara lain dan juga ada beberapa perkara yang lain yang tidak

sempat saya sebutkan iaitu cukai untuk syarikat dan sebagainya dan Labuan IOFC dengan akhir sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada usaha untuk menggalakkan PDS (Private Debt Securities) Saya nampak PETRONAS pun buat begitu, PERNAS dan sebagainya ada buat PDS dan dengan PDS ini kita mesti ada kawalan juga. Mesti ada kawan yang baik.

Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak ada masa Labuan IOFC. Saya nampak ada usaha untuk menarik lebih banyak syarikat untuk menceburkan diri dalam IOFC Labuan kita dan juga untuk membolehkan syarikat-syarikat Malaysia bertapak di IOFC dengan pengecualian cukai dan insentif-insentif yang lain. Tetapi, kita mesti berhati-hati kerana saya diberitahu bahawa sebahagian wang di IOFC ini datang daripada dadah. Walaupun Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap kata tidak tetapi bolehkah kita buat siasatan yang rapi untuk mengelakkan daripada pengambilan wang dadah yang dibersihkan di IOFC kita ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Kepong datang awal tadi dalam soal jawab tadi, dia tentu tidak buat statement itu sebab tadi saya memberi beberapa guidelines mengenai penyimpanan wang di IOFC. Jadi, kalau dia datang awal mungkin dia tidak habiskan masa dia dengan menyebut perkara yang tidak betul. *[Tepuk]*

Tuan Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap mesti berhati-hati, berwaspada kerana kita, kadangkala dengan keghairahan kita untuk mewujudkan Labuan IOFC ini, mungkinlah kita buat acuh tidak acuh mengenai sumber-sumber wang, ha? Dan di sekitar ini banyak wang dadah, bukan kecil!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Tan Seng Giaw: Cukup dah. Masa sudah cukup macam mana hendak beri? *[Ditujukan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar] [Ketawa]*
Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Padang Serai.

5.15 ptg.

Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua ke atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1997 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan mencerminkan keyakinan Malaysia menyediakan landasan bagi negara melangkah ke abad akan datang dengan lebih cemerlang lagi. Ternyata Belanjawan 1997 mampu memberi pengurangan cukai ataupun galakan cukai dalam pelbagai bidang. Galakan cukai atau taraf perintis selama lima tahun kepada projek perlancongan, pengecualian cukai pendapatan berkanun syarikat yang memberi perkhidmatan profesional dan duti import syarikat pengilangan hinggalah memberi galakan kepada industri berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kehijauan dan keindahan alam semulajadi adalah aset yang tiada ternilai dengan wang ringgit. Namun, masih banyak tidak menyedari pentingnya kehijauan ini dikekalkan keindahannya. Isu-isu pencemaran alam sekitar kian ketara sejak akhir-akhir ini. Sehubungan itu langkah kerajaan untuk membendung gejala ini wajar seiring dengan keghairahan mengejar pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting kita berharap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang telah dipinda mampu menangani hasrat suci kerajaan amnya dan rakyat umumnya. Program-program pemuliharaan seperti rancangan perparitan dan tebatan banjir, pencegahan penghakisan pantai, pengairan dan saliran serta lain-lain projek diharap dapat menjadi kenyataan dengan peruntukan sebanyak RM265.4 juta. Projek-projek pembangunan di lereng-lereng bukit yang melibatkan pembinaan kondominium dan lebuh raya perlulah diberi perhatian utama dan menepati kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Setiap mekanisme perancangan pembangunan harus memberikan perhatian terhadap alam sekitar daripada semata-mata untuk mengaut keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan mengenakan cukai perkhidmatan RM50 setahun ke atas pengguna smart card dan kad kredit adalah bijak dalam menangkis amalan rakyat berhutang dan menggalakkan aktiviti penabungan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi era 2020, prasarana dan kemudahan awam juga haruslah diutamakan dan sehingga kini, negara kita sedang menghadapi peralihan permodenan dengan pelancaran pelbagai kemudahan pengangkutan jalan raya seperti STAR iaitu Sistem Transit Aliran Ringan, keretapi dan udara. Pujian harus diberikan kepada Menteri Pengangkutan kerana berjaya melaksana dan mengagihkan peruntukan yang diberi dengan sebaiknya. *[Tepuk] Boss saya! [Ketawa]*

Harapan kita agar peruntukan 1997 sebanyak RM5.1 bilion dapat diagihkan dengan adil dan berjaya memodenkan pengangkutan negara menjelang Sukan Komanwel 1998 seterusnya menepati visi Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kesinambungan pembangunan sesebuah negara bergantung kepada belia hari ini. Oleh itu, pengemblem tenaga dan sumbangan mereka adalah penting dalam menentukan kejayaan pembangunan sosio-ekonomi negara. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dalam usaha memupuk potensi dan bakat serta mengatasi segala masalah yang berkaitan dengan golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan rakyat dan pemimpin yang mengikuti Belanjawan 1997 bersetuju bahawa belanjawan kali ini lebih mengutamakan kepentingan sosial. Pelaksanaan program Rakan Muda mendapat peruntukan RM60.2 juta. Tetapi yang menjadi persoalan sekarang adakah program-program yang disusun ini benar-benar berkesan dalam menangani masalah sosial belia dalam lingkungan umur 18 hingga 25 tahun. Walaupun program Rakan Muda telah dijalankan, namun gejala sosial kian ketara sejak akhir-akhir ini. Ini adalah kerana keberkesanan program pembangunan belia akhir-akhir ini menghadapi cabaran dengan melonjaknya gaya hidup negatif di kalangan belia. Penderaan terhadap kanak-kanak dan pengabaian terhadap warga tua semakin serius. Setiap hari media massa elektronik mahupun bercetak memaparkan masalah remaja lepak, pembuangan dan penderaan bayi, pelacuran, penagihan dadah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar program ini dikaji semula agar peruntukan yang diberi tidak sia-sia begitu sahaja. Pengertian 'jati diri budaya' tidak akan terlaksana sekiranya pengaruh luaran lain, media massa dan elektronik masih mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku golongan ini. Kepesatan pembangunan

ekonomi dan perindustrian negara memerlukan etika kerja yang baru di kalangan belia. Mampukah golongan belia memikul tanggungjawab ini dalam keadaan nilai dan gaya hidup remaja dewasa ini? Bolehkah negara kita mencapai Wawasan 2020 dengan mengabaikan imej masyarakat seperti ini? Pihak-pihak yang terbabit terutamanya Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kementerian Pendidikan, sektor swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan semua pemimpin masyarakat digesa mencari alternatif untuk membendung gejala yang kian ketara ini agar pembentukan belia dan remaja yang dinamis dan berdisiplin dan bermoral serta berwawasan menjadi kenyataan sejajar dengan matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sosial dan peranan NGO dalam memperjuangkan keadilan dan konsep penyayang dalam masyarakat haruslah disokong. Peningkatan peruntukan kepada NGO haruslah dimanfaatkan dengan sebaiknya. Begitu juga dengan bantuan kewangan kepada Yayasan AIDS Malaysia dan Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia sebanyak RM10 juta dan RM5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, laporan dadah 1995 menunjukkan terdapat peningkatan jumlah penagih sebanyak 18.6% berbanding tahun 1994. 30,104 penagih dikesan sepanjang tahun 1995 atau purata 2,842 orang setiap bulan. Daripada jumlah keseluruhan 34,104, sejumlah 20,960 atau 61.5% adalah kes penagihan berulang, iaitu rekod tertinggi sejak tahun 1988. Ini menunjukkan penagihan berulang meningkat dengan mendadak. Harapan kita agar golongan yang benar-benar memerlukan bantuan tidak mengira kaum dan taraf hidup, orang kampung atau bandar diberi hak untuk menikmati kemudahan ini. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat perlu merangka program atau aktiviti susulan yang berkesan dalam membendung gejala ini.

Tuan Yang di-Pertua, wanita ada tunggak pembangunan negara. Hingga ini keadilan dan hak wanita masih hangat diperdebatkan. Untuk membantu wanita, pelan tindakan pembangunan wanita digubal agar wanita dapat dibangunkan dalam segala bidang. Apa yang menjadi persoalan sekarang adakah peruntukan kewangan RM50 juta mencukupi dalam melengkapkan kesediaan kaum wanita menghadapi cabaran pembangunan ekonomi? Adakah peluang yang lebih luas diberi kepada wanita di luar bandar yang selama ini menjadi pendokong utama kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, kelonggaran yang diberi kepada pensyarah asing untuk berkhidmat di negara ini dengan tujuan untuk mengatasi kekurangan kepakaran negara adalah satu tindakan baik. Namun begitu, cabaran ini kurang sihat memandangkan kerajaan memberi keistimewaan atau pengiktirafan kepada pensyarah asing berbanding pensyarah tempatan. Jadi, besar kemungkinan pensyarahan tempatan lebih suka bekerja di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan ada benteng pertahanan negara. Rata-rata mengakui bahawa pembangunan generasi baru hanya dapat direalisasikan melalui pendidikan bermula dengan pendidikan dalam keluarga hinggalah kepada pendidikan dalam sebuah masyarakat dan seterusnya negara. Pendeknya untuk memanusiaikan manusia, pendidikan adalah perlu. Justeru itu, bidang pendidikan perlukan diutamakan sejajar dengan usaha pihak kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan bertaraf dunia. Sehubungan itu, peruntukan untuk bidang ini sebanyak RM13.2 bilion dianggap kecil, tidak memadai memandangkan pelbagai usaha pembangunan sedang dan akan dilakukan bagi mencapai tujuan di atas. Di samping itu,

penswastaan dalam bidang pendidikan memerlukan perbelanjaan yang banyak dari segi pembangunan, latihan tenaga kerja, peralatan dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1997 dianggap kesinambungan yang komprehensif dalam menangani gejala sosial dan memantapkan ekonomi negara. Persoalannya, bagaimana pelaksanaan dan pengagihan yang adil dapat dilakukan bagi merealisasikan aspirasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tawau.

5.30 ptg.

Puan Chua Soon Bui [Tawau]: Terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut menyertai dalam perbahasan Belanjawan bagi tahun 1997. Di samping itu juga, ingin saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas penganugerahan gelaran Datuk oleh TYT Negeri Sabah baru-baru ini. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Terima kasih.

Puan Chua Soon Bui: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang warganegara Malaysia, saya turut berbangga dengan wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengadakan satu kawasan Multimedia Super Corridor (MSC) yang berkeluasan 1,000 kilometer persegi di negeri Selangor. Ini merupakan satu lonjakan yang akan membolehkan negara kita menjadi pusat teknologi maklumat serantau kelak. Berasaskan logik dan ilham yang sama, saya berbesar hati sekiranya kemudahan MSC ini dapat

diwujudkan di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) Negeri Sabah untuk menampung keperluan IOFC Labuan dan kawasan BIMP-EAGA iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina - East Asean Growth Area.

Saya yakin dengan membuat demikian KKIP akan lebih berdaya maju dan berdaya saing. Di samping itu, IOFC Labuan akan juga terus bermanfaat memandangkan kerajaan sedang berdaya usaha membangunkan IOFC Labuan sebagai sebuah pusat kewangan pesisir serantau. Dalam erti kata lain, kemudahan MSC yang tersebut akan menjadi suatu kelebihan bahkan daya penarik bagi IOFC Labuan. Bagi BIMP-EAGA pula, kemudahan yang dicadangkan itu dijangka akan memberangsangkan lagi pertumbuhan ekonomi di rantau Asia Timur yang dikecapi bersama oleh Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, masalah gangguan bekalan elektrik. Dalam usaha merealisasikan Wawasan Sabah Baru, segala potensi negeri Sabah patutlah dieksploitasikan habis-habisan untuk pembangunan ekonomi. Selepas Barisan Nasional mengambil alih teraju kerajaan Negeri Sabah, berbagai usaha telah ditumpukan kepada pembangunan ekonomi, baik dari segi menawarkan insentif bagi menarik pelabur dari dalam dan luar negeri mahupun mempertingkatkan lagi pembangunan infrastruktur yang telah lama ketinggalan.

Namun demikian, pembangunan negeri Sabah tetap akan terjejas sekiranya masalah gangguan bekalan elektrik terus dibiarkan tanpa sebarang penyelesaian yang berkesan. Sesungguhnya masalah ini telah berterusan dalam masa 12 tahun kebelakangan ini. Saya selaku wakil rakyat baru telah berkali-kali membangkitkan masalah tersebut dalam Dewan yang mulia ini, bukan sekadar menyuarakan rintihan rakyat yang saya wakili di Tawau, tetapi berhasrat menarik perhatian dan keprihatinan pihak yang

berkenaan terhadap keadaan yang sebenar. Walaupun saya pernah diberi jaminan dalam Dewan ini bahawa penjana kuasa akan ditambahkan agar dapat mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di Sabah dengan adanya IPP baru yang akan disiapkan di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan, namun masalah yang sama terus bermaharajalela.

Kekerapan maksimum berlakunya gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah sungguh mengecewa dan menakjubkan dan ianya menjangkau 70 kali sehari. Dalam keadaan sedemikian, wakil rakyat tersepit kerana janji-janji yang disampaikan kepada rakyat tinggal janji semata-mata. Baru-baru ini pihak Tenaga Nasional Berhad bersedia membayar pampasan (goodwill payment) kepada pengguna-pengguna di Semenanjung yang terbabit dalam kejadian Peninsular Blackout yang berlaku pada 3hb. Ogos tahun ini. Tidak lama kemudian diikuti pula dengan pengumuman pembayaran rebate 20% bagi pengguna di Pulau Pinang yang dilanda oleh masalah yang sama sebelum kejadian Peninsular Blackout. Malangnya, layanan sedemikian hanya terhad kepada Semenanjung, kerugian rakyat Sabah tetap dipandang sepi sahaja.

Memandangkan perangkaan kejadian gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah dalam 12 tahun kebelakangan ini, saya yakin jumlah kerugian yang ditanggung oleh semua lapisan masyarakat Sabah adalah berlipat kali ganda jauh lebih berat daripada apa yang berlaku di Semenanjung. Kerugian yang dimaksudkan bukan sahaja berupa wang ringgit tetapi juga nyawa manusia yang diragut dalam kebakaran kerana lilin terpaksa diguna akibat gangguan bekalan elektrik. Di samping itu, pembelajaran kaum pelajar juga terjejas kerana kerapnya berlaku gangguan.

Pada hemat saya kerugian sedemikian, yang melibatkan masa depan anak-anak kita tidak dapat dihitungkan dengan wang ringgit. Dalam keadaan gelap gelita akibat

terputusnya bekalan elektrik yang sentiasa hanya disebabkan oleh gangguan burung sahaja. Wakil rakyat sendiri pun terpaksa menghidupkan generator atau penjana kuasa agar memperolehi kuasa elektrik. Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua yang berasal dari negeri Sabah mempunyai pengalaman yang sama selama ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Betul, betul.

Puan Chua Soon Bui: Walaupun demikian, pihak SEB (Sabah Electricity Board) kononnya tidak sanggup membayar sebarang pampasan seperti yang dibuat oleh TNB di Semenanjung - telah pun terdapat tuntutan kerugian dari pengguna. SEB yang selama ini dikenali sebagai SEB (Sabah Everyday Blackout) patut membulatkan tekad untuk mengatasi kemelut yang lama berlarutan ini. Mungkin penswastaan adalah penawarnya. Mudah-mudahan dengan adanya penswastaan, SEB akan bertambah cekap dan bernafas baru dengan huraian namanya yang baru - SEB (Sabah Everyday Bright). Saya memohon kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos agar perkara ini dapat diberi keprihatinan dan diambil tindakan yang sewajarnya sebelum masalah yang berkenaan dibiarkan mencacatkan pembangunan ekonomi yang baru bermula di negeri Sabah.

Projek pembinaan lapangan terbang baru di Tawau. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membentuk Sabah baru, syabas diucapkan kepada kerajaan Barisan Nasional atas kesungguhan dan keikhlasannya membawa berkat dan manfaat pembangunan kepada pengundi Tawau yang saya wakili. Ini jelas terbukti dengan terancangnya projek pembinaan lapangan terbang baru di Tawau. Projek tersebut amatlah perlu bukan semata-mata untuk mengatasi kekurangan dari segi keupayaan dan reka bentuk lapangan terbang yang sedia ada sahaja, malahan mempertingkatkan lagi kemudahan infrastruktur tempatan bagi menggerakkan pembangunan ekonominya yang selama ini jauh ketinggalan akibat terbatasnya prasarana.

Walupun rakyat Sabah, khususnya masyarakat setempat di Tawau mendengar adanya projek tersebut, tetapi setakat ini masih samar-samar tentang kedudukan perkembangannya. Setakat mana projek ini telah berlangsung?

Siapakah yang diberikan kontrak pembinaannya? Apakah terdapat sebarang pindaan dari segi lokasi tapak? Yang melambatkan perjalanan projek ini, jika benar bilakah persiapannya?

Tuan Yang di-Pertua, inilah soal-soal yang biasa saya dihujani oleh pengundi-pengundi saya. Saya yakin maklumat yang berkenaan akan dapat kita perolehi demi ketelusan yang sejajar dengan amalan dan tradisi Barisan Nasional.

Bersabit dengan isu Lapangan Terbang Tawau, nahas pesawat MAS yang berlaku di Tawau pada 15hb. September tahun lalu merupakan satu-satunya tragedi yang tidak mudah pudar dari ingatan kita khususnya di kalangan masyarakat Tawau.

Kejadian itu telah meragut 19 nyawa insan dan turut membawa kesengsaraan dan kepiluan yang tidak terhingga kepada keluarga si mangsa. Walaupun kepiluan tersebut tidak dapat diubati dengan tambatan wang ringgit, tetapi sekurang-kurangnya ia dapat meringankan beban kewangan yang dipikul oleh keluarga si mangsa. Namun, malahan setakat ini, isu pembayaran pampasan masih tidak sebarang kesudahannya.

Oleh yang demikian, saya memohon keprihatinan dan ingatan pihak yang berkenaan untuk menangani isu tersebut dengan secepat mungkin agar keyakinan rakyat terhadap mereka tetap terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kehadiran pekerja pendatang asing di Sabah. Walaupun usaha kerajaan untuk menarik pelabur telah pun beralih dari guna tenaga intensif kepada modal dan teknologi intensif, namun kedudukan ekonomi di Sabah tetap banyak bergantung kepada guna tenaga termasuk pekerja asing.

Kehadiran pekerja pendatang asing di Sabah baik yang mempunyai dokumen, perjalanan yang sah, mahupun yang memasuki Sabah tanpa izin, bukan satu isu baru yang

melanda negeri Sabah. Selama ini kehadiran mereka telah menimbulkan pelbagai masalah sosial, antara lain termasuk:

- (i) semakin meningkatkan kadar kejadian jenayah;
- (ii) perkampungan setinggan tumbuh seperti cendawan;
- (iii) kegiatan maksiat dan pembuangan bayi luar nikah semakin menjadi-jadi;
- (iv) peluang bekerja bagi orang tempatan terjejas kerana persaingan pekerja pendatang;
- (v) masalah eksploitasi tenaga buruh kanak-kanak melanda kembali;
- (vi) masalah lepak di kalangan anak-anak pendatang tanpa izin yang tidak bersekolah;
- (vii) kemudahan perkhidmatan awam yang disediakan untuk rakyat tempatan seperti sekolah, hospital dan klinik digunakan sewenang-wenangnya oleh kaum pendatang dengan akibat membebankan masyarakat dan kerajaan tempatan;
- (viii) aktiviti penyeludupan dan rompakan lanun semakin meningkat dengan adanya penyertaan kaum pendatang; dan
- (ix) pencemaran alam sekitar seperti pembuangan sampah sarap dan pembetungan yang diakibatkan oleh pendatang semakin menggugat.

Di samping itu, masalah kemiskinan yang selama ini menghantui negeri Sabah tidak akan reda selagi kemasukan kaum pendatang tanpa izin tidak dibendung secara berkesan.

Sebagai contoh, menurut Laporan Rancangan Malaysia Ketujuh di kalangan 116,500 isi rumah miskin di Sabah terdapat 40,100 yang terdiri daripada isi rumah bukan warganegara. Ini secara langsung telah merendahkan pengiraan GDP atau KDNK per kapita dan menyumbang kepada kadar kemiskinan di negeri Sabah.

Namun demikian, pekerja kaum pendatang tanpa izin kiranya diusir sama sekali, ianya tidak dapat dan tidak akan melumpuhkan ekonomi negeri Sabah secara langsung.

Walaupun selama ini terdapat pelbagai dakwaan tentang jumlah kerugian ekonomi yang perlu ditanggung sekiranya pekerja-pekerja kaum pendatang diusir, tetapi rupanya kita masih belum ada sebarang perangkaan yang menyeluruh dan realistik mengenai isu tersebut.

Pada hemat saya, usaha kerajaan berganding bahu dengan Kerajaan Filipina dan Indonesia untuk menggalakkan penggajian pendatang yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah sahaja akan mengurangkan peluang pekerjaan bagi golongan pendatang tanpa izin.

Ini merupakan salah satu pendekatan yang berkesan, kini dengan berjayanya genjatan senjata MNLF dari Mindanao, Filipina dan semakin rancaknya ekonomi di Indonesia, adalah diharapkan perkembangan sedemikian juga akan mengurangkan kemasukan pendatang tanpa izin. Walaupun demikian, kita harus tetap berwaspada dalam masalah ini agar ekonomi Sabah tidak dikuasai oleh kaum pendatang.

Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong belanjawan ini. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin
5.49 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengucapkan syabas kepada Datuk Speaker yang mendapat anugerah 'Datuk' dan saya mengucapkan syabas juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Tawau, ucapannya yang manis dari wakil rakyat yang agak manis juga! *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berilah peluang saya bercakap! *[Ketawa]* Jealouskah?

Saya ingin bermula dengan merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan Belanjawan 1997. Pada pandangan saya, ia adalah satu langkah yang bertepatan pada masa negara sedang mengalami suatu transformasi, baik dari segi politik, ekonomi, sosial pendidikan dan budaya. Tahun ini 1997 adalah masa yang baik dan tepat untuk kita melakukan pelbagai perubahan dan anjakan sebelum kita menempuh abad dan alaf yang baru, yang sudah pasti menjanjikan cabaran yang baru juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana banyak mengutarakan juga selain daripada agenda ekonomi iaitu agenda sosial dalam belanjawan ini. Ini sudah pasti akan menyemarakkan lagi konsep Masyarakat Madani yang ciri-cirinya bertunjangkan kepada keadilan dan kesaksamaan. Ini juga menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar prihatin dan mengambil berat tentang kepentingan dan kebajikan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan Belanjawan 1997, izinkan saya mengulas sedikit tentang perbincangan hujah-hujah yang kita dengar dalam seminggu dua ini daripada pembangkang. Kita amat kesal, mereka banyak menimbulkan isu-isu yang

remeh-temeh, mereka ini banyak memutar belitkan fakta dan statistik atau 'half-truth'. Mereka juga hanya mengulangi idea yang lama atau dengan izin, 'recyled ideas' seperti orang menjual surat khabar lama ataupun 'old newspaper'. Elok kita panggil orang-orang pembangkang ini penjual surat khabar lama.

Yang paling membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua, kita baca *hansard* daripada ucapan-ucapan pembangkang, ini saya amat bimbang sekali. Kita nampak ada sedikit bibit-bibit kecenderungan untuk mereka ini membawa isu-isu yang berupa chauvinistic dan perkauman. Kita bimbang benar, dan kita juga nampak masih ada lagi pembangkang ini terutamanya DAP memperjuangkan satu kumpulan etnik sahaja bukan seluruh bangsa Malaysia. Terutama dengan DAP, mereka melaung-laungkan mengatakan mereka ini parti yang memperjuangkan bangsa Malaysia, tetapi banyak juga hujah-hujah yang kita dengar hanya perjuangkan kumpulan etnik Tionghua sahaja.

Sebagai contoh, dalam isu kemiskinan, Tuan Yang di-Pertua, DAP tidak dapat menerima bahawa hakikat sejak kemerdekaan, kerajaan Barisan Nasional telah berjaya menurunkan paras kemiskinan kita turun lebih daripada 50% dan hanya 5.5% sahaja pada hari ini. Paras kemiskinan ini juga jauh lebih rendah daripada negara-negara Asia seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan lain-lain lagi. DAP tidak dapat menerima hakikat ini dan tidak dapat menerima dan akur kepada kejayaan-kejayaan Barisan Nasional untuk mengurangkan taraf kemiskinan di negara ini. DAP tetap DAP. Mereka cuba mengalih pandangan daripada kejayaan Barisan Nasional dan cuba membentuk satu benchmark baru untuk meneliti tentang isu kemiskinan.

Sebagai contoh, dalam *hansard* oleh Kota Melaka, mereka menengahkan ukuran atau benchmark baru yang dipanggilkan peratus pendapatan rendah rakyat bila

dibandingkan dengan pendapatan negara. Mereka telah memutar belitkan statistik pendapatan isirumah terendah 40% dengan bandingan pendapatan negara. Dengan menggunakan statistik-statistik ini, 'half-truth' ini, mereka cuba memberikan satu gambaran bahawa keadaan kemiskinan negara kita ini amat teruk sekali. Mereka cuba juga menggunakan statistik ini, ukuran ini, benchmark ini, mengatakan bahawa kalau kita dibandingkan dengan Thailand, Indonesia dan Filipina kita amat teruk sekali.

Ini yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, dia hanya menggunakan statistik yang convenience kepada inti sari politik atau nawaitu politik mereka yang tidak mahu menerima kejayaan Barisan Nasional. Itu tentang kemiskinan, Tuan Yang di-Pertua.

Satu perkara yang saya ingin bawa ialah peruntukan pembangunan desa dan kampung baru. Satu perkara yang membimbangkan ialah DAP menuduh kerajaan tentang isu peruntukan kepada desa dan kampung baru ini, seolah-olah hanya kerajaan membela satu kaum sahaja dan mengabaikan kaum-kaum yang lain. Ini hanya kita dengar dalam sejarah sahaja, masa 20, 30 tahun dahulu tetapi diulangi sekarang.

Umum mengetahui bahawa apabila ekonomi kita berkembang pesat, manfaat dan peluang akan dirasai oleh semua kaum, bukan bumiputera sahaja, semua kaum dalam negara kita mendapat manfaatnya. Malah, ada di kalangan kaum bumiputera yang membuat keluhan bahawa dalam perkembangan ekonomi negara ini yang bertimbun tinggi dan rancak, yang mendapat manfaat yang besar, kaum Tionghua. Ada keluhan ini! Tetapi kita Barisan Nasional, kita memujuk kaum bumiputera bahawa ini tidak sepatutnya menjadi satu isu. Bahawa apabila perkembangan ekonomi negara itu, semua manfaatnya adalah semua bangsa Malaysia. DAP menolak ini, cuba mengambil satu contoh dan menggambarkan bahawa Barisan Nasional, UMNO menganaktirikan bangsa-

bangsa lain. Saya bimbang benar, bahawa DAP memainkan isu ini seolah-olah masyarakat Tionghua tidak mendapat apa-apa dalam pertumbuhan ekonomi negara. Ini adalah taktik lapuk dan lama DAP. Contohnya, DAP mendakwa bahawa kampung baru diberikan RM30 juta sahaja, bila dibanding dengan RM7 bilion untuk desa. Data ini digunakan oleh DAP untuk menunjukkan seolah-olah kerajaan menganaktirikan masyarakat Tionghua, ini adalah satu contoh yang nakal dan berbau chauvinistik dan perkauman.

Saya kata begitu, dalam RM7 bilion kita tahu yang diperuntukkan kepada desa ini, semua bangsa tinggal di dalam desa, di pinggir bandar, bukan Bumiputera sahaja. Yang pertama, bila peruntukan RM7 bilion itu diberi kepada semua yang tinggal dalam luar bandar dan juga di pinggir bandar termasuk orang Cina Tionghua dan India. Pertama, mana-mana bukan kepada bumiputera sahaja. Yang kedua, bila ada projek-projek yang besar ini, pemborong-pemborongnya bukan bumiputera sahaja, yang banyak manfaat ini juga daripada kalangan bukan Bumiputera. Kontrak-kontrak kecil, yang besar ramai juga yang mendapat manfaat kaum bukan bumiputera. Mungkin pemborongnya bukan bumiputera tetapi subkontraktornya, kita dengar, kita lihat, semuanya bukan bumiputera sahaja. Ini yang saya mengatakan bahawa yang mendapat manfaat itu termasuk juga kaum Tionghua, kaum bukan bumiputera.

Inilah yang saya nampak, tetapi Tuan Yang di-Pertua, nakal DAP ini. Menggunakan statistik untuk mencerminkan, membayangkan sesuatu perkara yang tidak ada dan cuba membakar semangat perkauman dan semangat chauvinistik. Saya nampak bahawa mungkin DAP dia tersalah. Saya baca dalam *hansard* ini mungkin dalam ucapan

mereka, mereka tarik baliklah. Menggunakan isu-isu yang begini, mereka menuduh Barisan Nasional tidak adil kononnya, MCA dan Gerakan tidak membuat apa-apa.

Saya bimbang jika trend ini dihidupkan kembali, semangat perbahasan berbentuk ini dibangkitkan kembali, kita takut benda-benda yang berlaku dahulu dibangkitkan kembali. Saya bimbang, saya mintalah, saya ingin mengajak generasi baru DAP dan pembangkang, mari kita tinggalkan 'aggrument' pendekatan kita, perbahasan yang berbentuk perkauman dan chauvinistik ini, kita anggap sebagai sejarah. Sejarah telah menunjukkan akibat daripada fahaman perkauman yang sempit ini, sejarah telah menunjukkan bahawa telah berlaku satu titik sejarah hitam dalam negara kita. Kita tidak mahu lagi pergi kembali kepada sejarah ini. Dalam hal ini, saya juga ingin mencabar DAP kalau benar-benar apa yang dikatakan kemiskinan ini, bantuan ini hanya diberikan kepada Bumiputera dan bukan kepada bukan Bumiputera, saya hendak bertanya mengapa tidak kita tunjuk, kita gunakan statistik kemiskinan di desa dan juga kemiskinan di kampung baru...

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Senai bangun.

Tuan Lim Si Cheng: Saya hendak minta penjelasan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Rompin, sama ada Yang Berhormat bersetuju kemajuan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia pada hari ini ialah satu usaha yang dijalankan oleh Parti Barisan Nasional, pemimpin dari Barisan Nasional termasuk pemimpin UMNO, MCA dan sebagainya. Jadi, satu kejayaan yang dapat dicapai oleh pemimpin Barisan Nasional.

Dan soalan yang kedua, sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan saya, sekadar dakwaan ataupun MCA didakwa selama ini tidak menjaga kepentingan rakyat keturunan Cina, dakwaan ini kepada MCA, tidak adil kepada MCA, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya ini?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya setuju bahawa yang sebenar DAP sudah takut, dalam pilihan raya yang baru-baru ini, mereka kalah dengan besar. Kalau tidak dibangkit kembali semangat chauvinistik ini, takut mereka bimbang, sebab itulah saya nampak bahawa DAP ini tidak ikhlas lagi. Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah DAP benar-benar ikhlas untuk memerangi kemiskinan, kenapa hanya bangkitkan kampung baru sahaja? Kalau benar-benar DAP ikhlas dengan nawaitu dia untuk mengenyahkan kemiskinan, menghapuskan kemiskinan, mengapa tidak diunjurkan pandangan beliau kepada semua kaum? Dan inilah yang menjadi satu persoalan yang perlu dijawab oleh DAP.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang juga dibangkitkan oleh DAP ialah meritocracy. Ini seperti isu yang dibangkitkan oleh 'abang' dia dari Singapura, PAP. Saya ingin menegaskan yang meritocracy akan hanya wujud dalam masyarakat yang berada di atas 'level playing field' yang sama. Tidak adil jika ada orang yang sudah berada di hadapan diberi peluang sama rata dengan mereka yang baru ingin bermula. Yang di hadapan akan terus ke hadapan dan 'unfair advantage' dengan izin, bagi mereka.

Saya ingin mengambil contoh peniaga bumiputera, dengan pengalaman dan networking yang kurang, bolehkah mereka bersaing secara adil di pasaran yang terbuka? Oleh yang demikian, satu usaha mestilah dilakukan untuk membantu mereka. Namun demikian, saya juga ingin merujuk kepada usahawan bumiputera yang telah menempa

nama mereka sebagai global players. Adakah mereka berjaya semata-mata kerana bantuan atau kerana mereka itu bumiputera ataupun kerana mereka ini pengusaha yang berjaya? Saya rasa mereka ini berjaya kerana mereka berkemampuan dan sanggup berusaha keras seperti orang lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlulah DAP mewujudkan isu-isu yang lapuk dan lama ini, mungkin mereka ini sudah ketandusan idea yang jernih.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang dibawa ialah tentang pembelian Lotus oleh HICOM. DAP sekali lagi cuba menimbulkan satu perkara yang dianggap sebagai non issue. Apa salahnya HICOM membeli Lotus? Adakah DAP dengki? [*Ahli DAP tidak ada dalam Dewan*] Sepatutnya penghargaan dan congratulation, dengan izin, diberi kepada Tan Sri Yahaya. Ini tidak, semuanya negatif.

Saya suka memberikan pandangan mengenai pembelian ini. Hari ini misalnya, dalam akhbar *Business Times*, dengan izin, 'Lotus buy a wake-up call for Japanese and French partners'. Satu pandangan oleh pihak media massa, mengatakan pembelian Lotus ini satu pembelian yang baik. Dikatakan pembelian yang baik kerana rakan HICOM iaitu Mitsubishi daripada Jepun dan Citroen daripada Perancis enggan memberikan teknologi kepada kita. Dengan pembelian Lotus ini oleh Tan Sri Yahaya - oleh HICOM, ditulis di sini, banyak sangat saya underline. Dia kata, dengan izin, "Proton is basically buying the intangible assets - the research and development expertise, the highly rated engineering expertise within the organization". Ini bermakna dengan pembelian Lotus ini, HICOM akan mendapat satu teknologi baru. Satu teknologi yang mereka tidak dapati daripada pihak Jepun Mitsubishi dan Citroen. Sebab itu saya katakan bahawa dakwaan pembelian

oleh Tan Sri Yahaya sebagaimana yang didakwa oleh DAP bahawa pembelian ini tidak baik - itulah satu tuduhan yang tidak kena tempat kerana;

- (i) pembelian ini bukan wang kerajaan;
- (ii) dengan pembelian ini seperti yang tersebut dalam akhbar ini meletakkan Malaysia sebagai satu player yang serius, dengan izin, dalam industri automatif dunia. Ia juga akan memasuki HICOM kepada industri yang canggih dan up market. Ia juga akan membawa peluang pekerjaan yang baru, ia juga akan memberikan kita peluang untuk mengeksport barang-barang yang hi-tech ini kepada dunia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan. Satu lagi perkara yang DAP juga menggunakan. Ini satu lagi yang saya katakan tadi, dia hendak membakar semangat masyarakat Tionghua supaya tidak menyokong BN, seperti Senai beritahu tadi. DAP takut sekiranya masyarakat Tionghua tidak menyokong DAP, maka ia akan mengalami kepupusan dan mengalami nasib yang sama seperti dinosaur, 't-rex' - nama ini anak saya lebih tahu lagi, 'brontosaurus' dan lain-lain lagi. Minta maaf kalau sebutan tidak begitu mahir. Saya bimbang mereka ini akhir-akhirnya dikoleksi di dalam muzium atau tercatat di dalam 'Hari Ini Dalam Sejarah' sahaja sebagai sebuah parti yang pernah wujud di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pendidikan DAP mendakwa bahawa peruntukan untuk sekolah rendah adalah tidak adil. Mereka menggunakan peruntukan RM1.4 bilion yang diperuntukkan kepada sekolah rendah kebangsaan dan dibandingkan RM50 juta kepada SRJK(C) - pandai! digunakan dua ini. Digunakan dua ini oleh kerana lebih besar diberi kepada sekolah rendah biasa.....

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Senai bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:..... dan hanya RM50 juta sekolah rendah Cina, bermakna kerajaan Barisan Nasional menganaktirikan SRJK(C) - ini betul-betul nakal. Sila.

Tuan Lim Si Cheng: Mengikut sejarah, apabila DAP mendapat kerusi yang lebih masa itu masyarakat kita, lebih-lebih lagi masyarakat China akan menghadapi lebih masalah, tetapi apabila kerusi yang diperolehi oleh DAP kurang, nampaknya kita lebih senang. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah nasihat yang ingin Yang Berhormat sampaikan kepada rakyat jelata melalui Dewan yang mulia ini?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bersetujulah. Tetapi Kepong dia tidak termasuk dalam kumpulan ini - Kepong dia tidak chauvinistic, tidak memainkan isu perkauman, sebab itu kalau boleh kita hendak dia mengambil alih kepimpinan DAP dan kita selamat. Betul?

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Rompin, adakah di dalam kursusnya di McGill University ini ada kursus khas untuk 'batu api'? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak ada modal dia ini. I am so dissappointed - saya betul-betul sayu, selalunya ulasan dari Kepong lebih bernas

daripada ini - betul untuk makluman Kepong juga. Saya bimbang ada kecenderungan baru. Apa yang saya kata tadi, ada kecenderungan baru dalam perbahasan di Dewan ini menggunakan andaian-andaian yang boleh membawa tafsiran yang salah, yang boleh menunjukkan kita menggunakan arguments yang chauvinistic dan perkauman - saya bimbang ini.

Yang Berhormat dari Kepong, tolong nasihatkan kawan-kawan dalam DAP, cuba kita menggunakan penilaian argument yang universal values, bukan isu-isu perkauman terutamanya mengenai dengan SRJK(C) ini - betul? Yang sebenarnya kalau kita lihat dari segi kualitinya, ini Kepong beritahu, kualiti SRJK(C) akan lebih baik daripada sekolah biasa. Sekolah di luar bandar ada yang tidak mempunyai komputer, SRJK(C) boleh dikatakan semua ada komputer. Keputusan pun baik juga, betul?

Dr. Tan Seng Giaw: *[Mengangguk kepala]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Baik juga. Sebab itu sekarang ini....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bila saya habis, saya beri kepada Kepong. Sekarang ini sudah ada pandangan bahawa sekolah-sekolah SRJK(C) baik dari segi kualiti dan mutunya, ada masyarakat orang-orang Melayu bumiputera pun sekarang sudah masuk sekolah Cina. Bermakna, kalau kita minta ditambahkan peruntukan-peruntukan untuk SRJK(C), pandangan saya jangan menggunakan argument, taktik dan teknik yang boleh membawa sifat perkauman. Itu saya minta.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Rompin sedar, kita di sini sentiasa menyeru supaya peruntukan diberi kepada semua jenis sekolah, kerana terdapat kekurangan disemua jenis, sama ada sekolah rendah kebangsaan ataupun SRJK(C) ataupun SRJK(T). Ada kekurangan di semua jenis sekolah, sebab itu kita menyeru supaya pertambahan diberi kepada semua sekolah termasuk SRJK(C). Tetapi jangan kita menyeru

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Setuju.

Dr. Tan Seng Giaw: putar belit dan sebagainya, tidak payah!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong!

Dr. Tan Seng Giaw: Kita tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa suntuk ya!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong saya bersetuju, kalaulah dalam ucapan Kota Melaka menggunakan argument dan pendekatan Kepong, saya bersetuju. Tetapi kalau Yang Berhormat membaca *Hansard* yang lain - itu bukan kaedah dia memohon peruntukan tambahan.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, yakni dengan isu penyusunan semula industri. Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana diadakan satu dasar supaya kita mengalih industri yang berintensifkan buruh kepada berasaskan modal dan teknologi tinggi. Kita mengucapkan syabas kepada dua perkara ini. Selepas ini kita beralih kepada industri berasaskan modal dan industri berasaskan teknologi.

Kita tahu sekarang ini daripada RM1 yang dieksport, 85 sen itu diimport, value-addednya hanya 15 sen dalam RM1 sahaja. Inilah salah satu perkara yang menyebabkan

kita ada masalah dalam imbalan bayaran kita. Harapan kita ialah kalau kita memerlukan tindakan yang agresif untuk memastikan industri ini disusun semula. Kita syorkan kerajaan mengambil tindakan yang sesuai seperti menyekat sebagai contohnya. Apa salahnya untuk menggalang ini kita menyekat, lebih agresif lagi kemasukan pekerja-pekerja buruh yang kurang mahir ini ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan paling akhirnya dalam penswastaaan. Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana melaksanakan dasar penswastaaan. Kita mengalu-alukan kerajaan menubuhkan satu badan pengawas untuk memastikan bahawa dasar penswastaaan ini dilaksanakan dengan benar.

Dua perkara dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, yang terakhirnya ialah supaya badan ini menghayati atau mengawas projek-projek yang diswastakan. Dua perkara kita minta.

- (i) Mesti pastikan local content, jangan ada lagi kita bawa perunding daripada luar, barang-barang yang boleh dibuat di sini pun dibawa dari luar - itu yang utama.
- (ii) Kita minta juga dalam badan pastikan penyertaan semua bangsa dalam projek-projek penswastaaan ini, bangsa bumiputera pun ada tempat, bangsa bukan bumiputera pun ada tempat.

Yang keluhan bumiputera ialah bahawa projek-projek yang diswastakan ini amat kurang penyertaan mereka. Dalam kerja pemborong, pembekalan dan tidak melambang langsung bahawa dari seginya kerjanya melambangkan satu negara ini, negara Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau.

6.13 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berjumlah hampir RM60 bilion lebih dengan mengemukakan lebih akaun Kerajaan Persekutuan lebih dari RM2 bilion. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana dapat mengemukakan bagi lima tahun berturut-turut, saya ingat satu belanjawan yang mempunyai lebihan.

Ini merupakan satu daripada aspek belanjawan yang kurang mendapat perhatian dan kurang mendapat penghargaan kerana dalam konteks negara sedang membangun dengan pesat di mana kedudukan kewangan negara agak baik. Ia memerlukan disiplin yang cukup untuk kita mengemukakan belanjawan yang mempunyai lebihan yang sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah yang telah diambil dalam belanjawan ini adalah untuk menangani masalah defisit akaun semasa. Antaranya ialah pada kali ini kita dapati bahawa penekanan yang begitu banyak diberi kepada sektor perkhidmatan sama ada di dalam pasaran dana, pasaran modal, sektor insurans dan sebagainya. Satu lagi usaha ialah galakkan yang begitu banyak yang diberi kepada sektor pembuatan khususnya kepada sektor pembuatan komponen dan barang-barang lain yang diimport tetapi boleh dibuat di Malaysia.

Kita akui bahawa satu punca besar kenapa kita berterusan sehingga hari ini, saya ingat sudah hampir 20 tahun menghadapi defisit akaun semasa ini adalah ianya disebabkan oleh pengimportan dan pelaburan barangan modal dan barangan perantaraan yang begitu besar. Dan kita akui bahawa pelaburan sebegini rupa bertujuan untuk membesarkan kapasiti pengeluaran negara. Kita juga akui bahawa dengan kemasukan begitu banyak barangan modal dan barangan perantaraan ini maka kekangan-kekangan penawaran yang ada dalam ekonomi ini boleh diselesaikan.

Oleh sebab yang demikian, kita bersetuju bahawa mulai daripada sekarang kita hendaklah menumpukan pertumbuhan yang lebih dirangsangkan oleh pertumbuhan produktiviti dan bukannya daripada pertambahan input. Sekali gus ini akan menyelesaikan masalah jurang sumber ini, jurang yang menghasilkan defisit akaun semasa yang sekarang ini hampir 6.3 peratus daripada KNK kepada satu angka yang lebih munasabah.

Kalau kita tidak perlu menambah pelaburan untuk meningkatkan pengeluaran, maka kita tidak perlulah menambahkan lagi tabungan kita untuk menampung jurang yang terdapat hari ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap tentang defisit akaun semasa ini dengan memberi tafsiran kenapa begitu ramai ahli ekonomi memberi perhatian yang cukup banyak kepada defisit akaun semasa ini.

Saya ingin mengatakan di sini, walaupun dengan sebab-sebab yang saya berikan tadi saya, masih mengatakan bahawa sebenarnya masalah ini perlulah diberi perhatian yang lebih lagi kerana defisit ini adalah simptomatik kepada masalah-masalah lain yang lebih bersifat struktur yang saya rasakan patut diberi tumpuan dan beri sedikit masa untuk kita berbincang tentang perkara ini.

Saya rasakan bahawa defisit akaun semasa ini menunjukkan kelemahan-kelemahan struktural yang ada di dalam ekonomi kita. Kalau kita boleh tengok antara ciri-ciri ekonomi kita yang menyebabkan kita mengalami defisit ini, kita boleh tengok dari segi agihan arah tujuan pinjaman yang dikeluarkan oleh bank, kita boleh tengok daripada struktur perdagangan antarabangsa negara, kita boleh tengok dari segi kewujudan, kehadiran begitu ramai pekerja-pekerja asing dan kita juga boleh tengok dari segi struktur organisasi industri kita.

Kelemahan-kelemahan di dalam perkara-perkara ini adalah merupakan penyebab kenapa secara berterusan kita masih lagi menghadapi masalah defisit akaun semasa ini yang hampir-hampir menjadi satu masalah yang struktural. Perlulah melihat kepada perkara-perkara yang saya katakan tadi.

Misalnya kalau kita lihat dari segi agihan pinjaman yang dikeluarkan oleh bank perdagangan di dalam negara ini. Kita lihat misalnya sehingga bulan Ogos tahun 1996 ini lebih daripada RM200 bilion telah dipinjamkan oleh bank, lebih dari satu perempat atau dua puluh empat peratus daripada jumlah pinjaman, telah ditujukan kepada sektor pembinaan dan juga hartanah. Manakala amaun yang terlebih kecil sedikit daripada itu telah ditumpukan kepada sektor pembuatan. Penekanan kepada sektor pembinaan dan hartanah ini adalah satu masalah yang struktural dan kalau kita gabungkan hakikat ini dengan keadaan inflasi aset yang tinggi berpotensi untuk jadi cukup merbahaya kepada ekonomi negara, kalaulah kita tidak jaga penekanan agihan sumber yang begitu banyak ke sektor pembinaan dan hartanah ini, kalaulah terjadi apa-apa perkara yang mencetuskan pecahnya bubble hartanah ini, maka ianya akan mempunyai kesan yang cukup berat.

Saya ingin dalam konteks ini bertanya kepada kementerian mana yang bertanggungjawab tentang hal ini, Kementerian Kewangankah ataupun Jabatan Perdana Menteri tentang permasalahan potensi untuk bubble ini pecah seperti yang dikatakan oleh ahli dari Wangsa Maju semalam. Kalau mengikut kitaran yang biasa 12 tahun - kita menghampiri kepada tarikh yang tersebut dan mungkin kita lakukan sesuatu untuk kita delay bubble itu daripada ianya pecah.

Tetapi apakah langkah masa panjang untuk kita memastikan bahawa perkembangan di dalam sektor pembinaan dan hartanah ini tidak timbulkan masalah seperti yang saya takutkan. Saya ingin juga bertanya, sekarang ini kita buat KLCC yang saya difahamkan mempunyai hampir sejuta lebih kaki persegi ruang pejabat dan kita juga akan membina bandar baru Putrajaya yang mempunyai ruang pejabat yang lebih besar dari KLCC. Dan pada masa yang sama juga kita bertujuan untuk membina KL Linear City yang juga mempunyai ruang perniagaan dan komersial yang besar.

Apabila Putrajaya dibina, maka seluruh gandaan ruang-ruang, sebab kesemua pejabat-pejabat kerajaan yang ada di Kuala Lumpur akan dipindahkan di Putrajaya, maka ia menwujudkan penawaran yang banyak itu, yang mana keluar dari Putrajaya banyak itulah yang akan tercipta di Bandaraya Kuala Lumpur dan sekali gus kita tambah dengan KLCC dan KL Linear City.

Jadi, dari segi perancangan tentang permintaan pejabat ruang niaga ini, apakah dia sebenarnya kedudukannya? Apabila kita sebenarnya siap dengan semua projek-projek ini, adakah kita akan mendapati satu lebihan penawaran ataupun kelebihan penawaran ini akan dapat ditampung dengan pertambahan permintaan yang bersesuaian?

Kita takut jika pertambahan ruang-ruang ini adalah melebihi daripada permintaan yang mungkin ada, maka ia akan menjadi satu titik untuk mencetuskan terjatuhnya nilai sewa dan oleh yang demikian juga nilai hartanah yang tersebut jatuh. Jadi, oleh sebab-sebab yang saya katakan tadi, lebih RM52 bilion pinjaman bank adalah kepada sektor pembinaan dan hartanah ini. Itu adalah setakat hari ini. Kalaulah terjadi penurunan sewa akibat daripada pertambahan penawaran ini, kalaulah terjadi penurunan nilai yang

diakibatkan daripada penurunan sewa ini, maka berapa puluh bilion pinjaman yang disandarkan nilainya sebagai kolateral ke atas nilai hartanah ini, maka jatuhlah harga macam itu dan ia mencetuskan satu keadaan yang cukup berat - kita tidak mahu terjadi.

Sebab itu, kita katakan hari ini, kita tidak mahu ianya menjadi seperti recession yang terjadi di Jepun dan juga Hong Kong pada tahun 1980-an yang tercetus disebabkan oleh kejatuhan harga hartanah. Kejatuhan harga hartanah ini adalah merbahaya kerana ianya disandarkan kepada institusi kewangan. Jadi, saya ingin penjelasan tentang perkara di atas tadi.

Satu daripada perkara yang kita lihat yang merupakan kelemahan di dalam struktur ekonomi negara ialah jika kita lihat kepada struktur perdagangan antarabangsa negara, memang betul negara ini telah menjadi salah sebuah negara perdagangan yang terbesar di dunia ini. Misalnya, pada tahun 1996, jumlah dagangan kita, iaitu jumlah import dan eksport kita adalah menghampiri RM400 bilion, menjadikan kita di antara negara yang termasuk di dalam “top 20” negara dagangan dalam dunia.

Malaysia juga adalah merupakan satu negara yang bukan kecil macam Hong Kong atau Singapura ini yang mana jumlah dagangan import dan eksport kita adalah melebihi daripada kadar Keluaran Dalam Negara Kasar. Saya ingat, tidak ada negara yang bukan city state yang mana jumlah dagangannya melebihi daripada KDNKnya. Malaysia adalah satu daripada negara yang mempunyai sifat yang tersebut.

Tetapi ini adalah satu kejayaan yang cukup besar. Sebuah negara yang seperti ini dapat menjadi sebuah negara dagangan yang besar di dunia ini dan berubah dalam sejarah dunia dari sebuah negara yang berdagang kepada komoditi barang-barang pengeluaran perkilangan.

Tetapi kalau kita lihat kepada struktur eksportnya, kita agak susah hati juga sedikit sebab kita lihat, lebih separuh daripada eksport kita sebenarnya adalah terdiri daripada barangan yang sejenis sahaja. Maksudnya, kita tidak ada kepelbagaian dalam jenis barangan yang kita keluarkan untuk eksport. 53% daripada nilai eksport kita adalah merupakan barangan elektronik dan juga elektrik. Ini merupakan satu pengkhususan pengeluaran yang tidak memberi kita ruang untuk mengubahsuai dan juga mendedahkan kita kepada turun naik keadaan dalam pasaran elektronik dan juga elektrik. Misalnya, pada tahun 1991, 37% elektronik dan elektrik sebagai sumbangan eksport, tetapi hari ini sudah meningkat melebihi separuh.

Walaupun ianya baik, tetapi ianya merbahaya kerana ia mempunyai sifat yang tidak pelbagai yang mendedahkan kita kepada apa juga turun-naik yang ada di pasaran antarabangsa di dalam sektor ini. Kita juga lihat bahawasanya hampir keseluruhan daripada barangan elektronik dan elektrik yang dikeluarkan untuk dieksport ini yang sebenarnya adalah terhasil daripada foreign direct investment. Foreign direct investment ini merupakan pinjaman yang kita hendak imbangi defisit akaun semasa kita. Jadi, selama ini kita menggunakan jurang yang ada dari segi tabungan dengan pelaburan ini sebanyak 6%, 7% atau 8% daripada KDNK ini, kita kena cari di bidang lain.

Kita tampung jurang ini dengan foreign direct investment. Foreign direct investment ini kita tertumpu kepada sektor elektronik dan juga elektrik yang banyak terdapat di dalam kawasan saya. Jadi, saya takut sebagai satu usaha untuk menampung jurang ini, kita bergantung begitu banyak kepada foreign direct investment dengan menarik mereka ke sini, tetapi mereka concentrate pengeluaran ini kepada sektor

elektronik dan elektrik. Ia menjadikan kita sebuah negara manufacturing, tetapi yang mempunyai ciri yang agak unipolar - yang satu jenis sahaja, tidak pelbagai.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Rompin sekejap tadi, 85 sen daripada setiap satu ringgit nilai barangan pengeluaran yang kita eksportkan sebenarnya adalah nilai yang kita import. Oleh sebab itulah, kita dapati bahawa walaupun eksport kita tinggi, import kita adalah cukup tinggi juga. Mungkin tahun ini dari segi merchandise account ini, kita akan dapat sedikit lebihan.

Ini adalah satu kedudukan yang cukup membimbangkan kita kerana kita tidak merasakan bahawa kehadiran begitu banyak multinationals melalui foreign direct investments ini memberi kita manfaat selain daripada membekalkan rakyat kita dengan pekerjaan. Itu pun kebanyakan pekerjaan itu pada peringkat yang rendah dan bukan pada peringkat yang tinggi. Tidak ada pemindahan teknologi dan ianya tidak menjadi payung kepada usaha kita membiakkan lebih banyak IKS yang ada untuk kita wujudkan Industri Kecil dan Sederhana dalam komponen dan sebagainya.

Jadi, pada masa yang sama, untuk mengekalkan peratusan kemasukan FDI ini, kita pun terikut-ikut, sebab kita seronok dengan pertumbuhan yang dirangsangkan oleh sektor ini. Maka, daripada kita membuat structural adjustment untuk pergi ke arah lain, maka untuk menyelesaikan masalah, sebab terlalu seronok dan ghairah dengan perkara ini, kita masukkan pula begitu ramai pekerja-pekerja asing sampai 2 juta lebih.

Jadi, akhirnya kita mendapat masalah yang didatangi oleh pekerja asing dari segala macam yang telah dicakapkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Kita juga tidak melakukan perubahan struktur di dalam sektor perindustrian ini kepada stau arah yang lebih munasabah dan lebih sesuai dengan kedudukan negara kita hari ini.

Kita juga tidak dapat menjadikan mereka ini sebagai satu payung untuk kita bangunkan IKS. Kita juga tidak dapat mempelbagaikan industrial base kita. Jadi, apa yang kita dapat daripada ini semua, satu lagi, mereka pun menyumbang sebab mereka repatriate keuntungan mereka ke luar negara. Sekali lagi mereka menyumbang ke arah defisit di dalam akaun semasa kita.

Jadi, apa yang kita dapat sebenarnya daripada perkara ini selain dari ianya membangunkan kawasan-kawasan tertentu dan membekalkan pekerjaan yang umumnya pada tahap yang rendah. Dalam kawasan saya sendiri, mereka membekalkan pekerjaan yang begitu banyak - 40,000 pekerjaan kepada orang yang duduk di dalam kawasan saya, tetapi pada satu tahap yang tidak memungkinkan mereka untuk membeli rumah di dalam kawasan saya sendiri.

Jadi, konsep keseluruhan ini agak memeningkan sedikit. Jadi, saya ingin penjelasan tentang bagaimana secara jangka masa panjang untuk kita tangani masalah defisit akaun semasa ini dan juga bagaimana kita hendak mempelbagaikan industrial base kita.

Saya difahamkan bahawa pelan induk perindustrian yang kedua akan dikeluarkan. Kalau dapat diperjelaskan nanti, apakah dia strategi yang hendak kita gunakan, sekaligus dengan soal macam mana kita hendak IKS beranak banyak sedikit? Kita sudah luluskan Perbadanan IKS di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi kita tidak dengar cerita lagi tentang Perbadanan IKS ini dan bagaimana kita hendak menyelaraskan polisi kita untuk menarik orang melabur di sini dengan polisi kita untuk mewujudkan lebih banyak lagi IKS dan polisi kita hendak menjaga masalah defisit akaun semasa serta polisi kita dalam

pembangunan sumber manusia, latihan dan pendidikan. Jadi, saya ingin penjelasan daripada kementerian yang berkenaan tentang persoalan yang saya bangkitkan itu tadi.

Satu lagi,masalah pekerja asing ini saya sudah tidak hendak cakap, ramai orang sudah bercakap. Dalam masa yang suntuk ini, satu lagi saya hendak bercakap masalah rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Laporan Ekonomi yang dikeluarkan, pendapatan negara.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Pendapatan per kapita negara pada 1996 adalah RM11,118. Kalau mengikut purchasing power parity adalah US\$12,508, yang lebih kurang bersamaan RM31,000. Kita perhatikan masalah ini. RM11,000 pendapatan per kapita, maknanya kalau pendapatan isi rumah tangga, kalau kita ambil sebuah rumah ada empat orang, jumlah pendapatan isi rumah ialah RM44,000. Kalau mengikut purchasing power parity, lagi tinggi.

Tetapi di dalam Rancangan Malaysia Keenam, lebih 200,000 unit rumah kos rendah dibina. Fikirkan dari segi nombornya. Maknanya, kalau kita kali lima, maknanya sejuta daripada rakyat kita menduduki rumah kos rendah pada tempoh tersebut. Sejuta daripada rakyat kita yang pada ketika itu, ambil purata lebih dari 5%. Maknanya, 5%, walaupun per capita income RM11,000, 5% daripada penduduk kita sebenarnya hanya layak menduduki rumah kos rendah.

Jadi, walaupun terdapat laporan ekonomi yang mengatakan bahawa ada sedikit kemerosotan dari segi angkali Gini yang menunjukkan taburan pendapatan ini, dan ada

juga jawapan yang diberi di dalam Dewan ini yang mengatakan sebenarnya ada kebaikan sedikit, tetapi fikirkanlah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. *[Disampuk]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Masa cukupkah atau masa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah cukup, Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Oh, sambung....sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa untuk hari ini pun sudah cukup.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah cukup, Yang Berhormat. *[Disampuk]* Yang Berhormat kena minta kepada Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan Mesyuarat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Cukupkah? *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Mengikut catatan saya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sedikit lagi sahaja. Saya hendak sambung sedikit..... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa untuk hari ini sudah lebih, Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Minta sambung 2 minit sahaja. Hari Selasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baiklah, minggu depan sambung 2 minit.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Okay, terima kasih. *[Ketawa] [Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan Dewan ini, bagi pihak Tan Sri Yang di-Pertua, sukalah saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan “Selamat Hari Deepavali” kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Hindu.

Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Selasa minggu hadapan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.

